



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGALKEDUA
Second Session

Jilid 11 Bil. 12 Hari Khamis 14hb Julai, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang—undang Membaharui Undang—undang
(Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan) (Ruangan 31)**

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerjak
Y.B. Tuan Lim Heng Tee (Ruangan 102)**

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 14hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sebutkan soalan pertama, saya ingin membuat sedikit pembetulan iaitu 'ujian pemeriksaan kenderaan di sebuah Pejabat JPJ', bukan 'ujian pemeriksaan di seluruh Pejabat JPJ'. Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama.

PEMERIKSAAN KENDERAAN PERDAGANGAN - PENSWASTAAN

1. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar Kementeriannya bercadang menswastakan ujian pemeriksaan kenderaan di sebuah Pejabat JPJ di Lembah Kelang - adakah projek penswastaan ini akan diperluaskan ke seluruh negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Kementerian Pengangkutan bercadang untuk melaksanakan projek perintis mengenai penswastakan pemeriksaan kenderaan perdagangan berkala, dengan izin, routine, di satu lokasi di Lembah Kelang. Setakat ini Kementerian Pengangkutan belum menentukan lokasi sebenarnya projek perintis tersebut, iaitu sama ada bertempat di salah satu pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan atau tanah lain di Lembah Kelang.

Tujuan projek perintis ini ialah untuk menentukan kesesuaian dan kecekapan sistem pemeriksaan yang akan digunakan iaitu secara berotomatis dan berkomputer dan mengenalpasti apa-apa masalah peringkat awal dalam melaksanakan projek ini. Sekiranya hasil daripada projek perintis ini baik, program penswastaan ini akan diperluaskan di seluruh Semenanjung Malaysia kelak.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tarabahan. Bilakah agaknya Pejabat JPJ di Batu Uban Pulau Pinang akan dipindahkan ke satu tempat yang lebih sesuai dan kurang sesak?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal ialah mengenai penawastaan pemeriksaan kenderaan perdagangan. Seperti saya rasa Yang Berhormat juga sendiri maklum bahawa Pejabat JPJ yang ada di Pulau Pinang itu sudah dibuat pertambahan-pertambahan untuk melegakan kesesakan dan satu pejabat akan diadakan di Seberang Jaya, tetapi dalam rancangan tahun ini belumlah dapat dilaksanakan keseluruhannya pejabat itu.

HARGA KOMODITI UTAMA - PENINGKATAN

2. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Kewangan menyatakan dalam masa kebelakangan ini beberapa jenis hasil negara harganya meningkat naik, seperti getah, minyak kelapa sawit dan lain-lain, berapa peratuskah peningkatan hasil negara hingga kini.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Tuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar, harga beberapa komoditi utama negara telah meningkat naik. Harga getah pada suku kedua tahun 1988 telah meningkat sebanyak 42.7 peratus berbanding dengan suku tahun yang sama tahun 1987 sementara harga minyak kelapa sawit meningkat sebanyak 36.9 peratus untuk tempoh perbandingan yang sama. Yang lebih penting ialah harga petroleum telah menurun sebanyak 0.2 peratus untuk suku pertama tahun 1988. Hakikat ini adalah penting kerana

petroleum ialah penyumbang terbesar. kepada- hasil Kerajaan, iaitu melebihi 90 peratus daripada kutipan duti eksport. Oleh yang demikian sumbangan duti ekaport komoditi utama lain adalah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, untuk suku pertama tahun 1988, kutipan hasil daripada duti eksport barangan utama berjumlah \$349.9 juta atau 1.7 peratus daripada jangkaan hasil untuk tahun 1988. Berikutan daripada perkembangan ini hasil Kerajaan Persekutuan untuk tiga bulan pertama tahun ini berjumlah \$4,777 juta atau 22.6 peratus daripada jangkaan hasil tahunan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pada masa kini bahawa keperluan dan permintaan penggunaan sarung-sarung getah dan sarung tangan telah begitu pesat dan telah meningkat, adakah Kementerian Kewangan dan juga Kerajaan kita mencadangkan menambahkan peruntukan untuk MARDEC supaya menambah hasil pengeluaran latex supaya dapat membantu Kerajaan kita menambahkan hasil?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian di atas apa-apa juga yang baik untuk negara kita. Cadangan ini adalah cadangan yang baik dan Kerajaan akan memberi perhatian.

Dr. Nordin Selat: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab-sebabnya yang menyebabkan harga hasil-hasil negara tersebut naik, adakah ini sementara acau berkekalan?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kutipan duti eksport negara atau revenue Kerajaan kita ini adalah bergantung kepada harga-harga barangan utama yang negara kita eksport ke negara lain. Memandangkan bahawa dalam tempoh yang lalu pada suku tahun ini harga-harga barangan utama ini telah naik, ini adalah bergantung kepada 'demand and supply situation' dalam dunia ini dan oleh kerana harga itu telah naik, kutipan duti eksport negara ini pun meningkat.

PROGRAM PENSWASTAAN 1986-1990 - KEJAYAAN

3. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah kejayaan yang tercapai oleh Kerajaan dalam program pengswastaaannya, dan sila senaraikan bidang-bidang baru yang sedang dipertimbangkan untuk pengswastaaan bagi tempoh 1988-1990.

Perdana Menteri [**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad**]: Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal untuk mengukur kejayaan usaha pengswastaaan Kerajaan secara terperinci kerana rancangan ini masih baru dan bilangan projek yang telah diswastakan adalah kecil. Sungguhpun begitu, pelaksanaan program ini telah menunjukkan kesan yang baik di dalam memenuhi matlamat utama dasar pengswastaaan seperti pengurangan beban kewangan Kerajaan dan peningkatan produktiviti.

Secara keseluruhan, rancangan ini telah berjaya meringankan beban Kerajaan dengan mengurangkan seramai 30,361 orang kakitangan yang melibatkan perbelanjaan emolumen sebanyak kira-kira \$346.9 juta setahun. Dengan usaha ini pihak swasta telah dan akan membelanjakan sebanyak lebih kurang \$3,800 juta untuk membangunkan projek-projek baru yang sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan.

Selain dari itu, dari laporan-laporan yang diterima oleh Kerajaan, prestasi agensi-agensi yang diswastakan dari segi produktiviti para pekerja amatlah menggalakkan. Kerajaan percaya bahawa peningkatan produktiviti ini akan mendorong agensi-agensi yang diswastakan memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada masyarakat di samping mendapat keuntungan.

Di samping itu, Kerajaan juga yakin bahawa usaha pengswastaaan ini dapat menjadi penggerak utama ke arah meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Matlamat ini akan dicapai menerusi

peningkatan kecekapan, daya pengeluaran pihak swasta dan perniagaan-perniagaan baru yang diwujudkan oleh pihak yang mengambilalih perkhidmatan Kerajaan berkenaan serta juga menerusi projek awam baru yang dilaksanakan olehnya.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Yang Berhormat pula, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan sedang mempertimbangkan banyak lagi projek pengswastaan yang meliputi sektor pengangkutan, kesihatan, pelajaran, tenaga, pos dan pembinaan. Antara projek-projek yang khusus termasuklah Keretapi Tanah Melayu, Lembaga Letrik Negara dan Pelabuhan Pulau Pinang.

Di samping itu, Kerajaan sedang menjalankan kajian Pelan Induk Pengswastaan untuk mengenalpasti aktiviti-aktiviti Kerajaan yang boleh diswastakan.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan yang berkaitan untuk dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

pertamanya, apakah benar kadar produktiviti di salah satu organisasi yang telah pun digwastakan iaitu Syarika Telekom Malaysia (STM) masih lagi seperti semasa sebelum ianya diswastakan.

Soalan yang kedua, benarkah usaha privatization sekarang ini hanya berbentuk commercialization sahaja di mana organisasi* organisasai itu, sedangkan perjalanan organisasi itu masih lagi dalam bentuk sebuah pertubuhan Kerajaan.

Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, jika diizinkan saya akan jawab kedua-duanya sekali kerana kedua-duanya ada berkaitan. Umpamanya, STM (Syarikat Telekom Malaysia) belumlah sampai ke tahap yang roana dianya diswastakan secara penuh. Pada peringkat pertamanya kita cuma menjadikannya sebagai satu badan corporation yang

dimiliki seratus peratus oleh pihak Kerajaan. Walaupun demikian, khidmat yang diberikan oleh STM nampaknya telah berubah dan mempunyai lebih banyak unsur-unsur perniagaan dan ini sudahpun dirasai oleh pelanggan-pelanggan. Umpamanya, kalau dahulu tidak ada Kedai Telekom, sekarang ini dengan mudah kita boleh pergi ke Kedai Telekom untuk mendapat telefon baru dan juga untuk mendapat khidmat - khidmat telefon dan pihak STM lebih berminat untuk menggalakkan orang ramai menggunakan telefon dengan lebih banyak dan menambah bilangan telefon di aatu-aatu rumah, Ini sudah tentu akan menambahkan produktiviti dan pendapatannya.

Memang seperti saya katakan tadi, pada peringkat mula kita belum lagi sampai ke tahap privatization yang sepenuhnya. Baru sahaja kita menjadikan badan-badan itu sebagai badan yang bebas sebagai corporation dengan harapan kita dapat menjual saham-saham daripada syarikat ini sedikit demi sedikit kerana dengan cara itu kita mungkin mendapat pendapatan yang lebih kerana sudah tentu harga jualan saham itu akan meningkat apabila prestasi syarikat itu menjadi lebih baik. Umpamanya, berkenaan dengan MAS, walaupun pada mulanya kita menjual dengan harga yang tidak begitu tinggi, tetapi minat orang ramai untuk membeli saham itu telah menaikkan harga saham dan pada kali kedua kita menjual saham itu harganya sudahpun meningkat dan ini telah menolong pendapatan Kerajaan daripada penjualan khidmat ini.

Saya yakin kalau kita jual sedikit demi sedikit, Kerajaan akan mendapat lebih banyak perolehan daripada penjualan khidmat ini dan ini akan menguntungkan Kerajaan,

Tuan C. Krishnan: Taan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagaimanakah sambutan daripada pegawai-pegawai Kerajaan apabila satu-satu badan atau

institusi Kerajaan diswastakan dan adakah apa-apa tentangan daripada kakitangan Kerajaan terhadap pengswastan pada keseluruhannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bahawa pengswastan ini menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan pegawai-pegawai yang terlibat kerana mereka memikirkan bahawa kedudukan mereka akan terancam apabila sesuatu khidmat itu dijadikan sebagai suatu perniagaan milik swasta. Namun demikian, kita lihat beberapa perkhidmatan Kerajaan yang telah diswastakan telah berjalan dengan baki dan kakitangan badan-badan itu telah menerima baik pengswastan. Bahkan berkenaan Pelabuhan Kelang umpamanya setelah kita menswastakan container terminal sekarang ini pekerja-pekerja dalam seluruh Pelabuhan Kelang meminta supaya semua Pelabuhan Kelang itu diswastakan. Saya yakin apabila mereka faham benar akan kebaikan pengawastan ini, tentangan yang sedikit yang ada sekarang ini akan hilang dengan sendirinya.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan Lembaga Peperiksaan Malaysia?

[Ketawa]

Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, saya belum nampak rancangan ini terdapat dalam senarai khidmat-khidmat Kerajaan yang hendak diswastakan tetapi ini bukanlah satu perkara yang mustahil kerana di Amerika Syarikat umpamanya, penjara pun sudah diswastakan.

[Ketawa]

INDUSTRI BINAAN

4. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah kedudukan industri binaan di negara ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memperbaiki dan memperkembangkan industri ini memandangkan terdapat tanda-tanda pemulihan ekonomi dan terdapatnya sektor-sektor lain yang telah mengalami pertumbuhan.

Setiasaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G.Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun kebelakangan ini, industri binaan di negara ini mengalami pasaran yang merosot dan ia telah memberi kesan kepada sektor berkaitan iaitu pengilangan bahan-bahan binaan seperti konkrit simen, besi, genting lantai, genting atap, kaca dan sebagainya.

Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan permintaan bahan-bahan binaan di pasaran tempatan dan di luar negeri. Antara langkah-langkahnya ialah seperti berikut:-

- (a) menggalakkan sektor pembinaan menggunakan bahan-bahan binaan tempatan supaya industri bahan binaan tempatan dapat berkembang;
- (b) merancang projek perumahan kos rendah kerana pelaksanaan projek perumahan kos rendah akan meningkatkan permintaan bahan-bahan binaan yang sedang mengalami pasaran yang merosot;
- (c) memberi kemudahan pengecualian cukai atas mesin yang digunakan oleh sektor pengilangan bahan binaan bagi menurunkan 'high overhead cost' dan mendorong usaha-usaha memodenkan lagi pengilangan;
- (d) memberi diskaun elektrik kepada industri bahan-bahaa binaan seperti simen dan besi supaya kos pengeluaran dapat diturunkan;

- (e) mendorong usaha-usaha pengilang bahan binaan mengeksport keluaran siap dengan pemberian insentif eksport supaya pengeluaran dapat mencapai tahap 'economies of scale' serta meningkatkan kecekapan dari segi kos.

PENYELUDUPAN BENIH KELAPA SAWIT

5. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah benar bahawa benih-benih kelapa sawit Malaysia diseludup keluar ke negara asing. Sekiranya benar, apakah implikasinya terhadap masa hadapan kelapa sawit Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [**Tuan Adam bin Abdul Kadir**]: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada berlakunya penyeludupan biji-biji benih kelapa sawit. Umpamanya pada tahun 1986 pihak Kastara telah merampas sebanyak 21,000 bijibenih dan menangkap 3 orang. Sekarang ini segala usaha untuk mengeksportkan bijibenih mesti mendapat kebenaran daripada Kastam terlebih dahulu. Langkah ini ialah untuk menjaminkan bahawa mutu kelapa sawit berdasarkan bijibenih itu dapat dipastikan di negara ini dan juga ingin memastikan tidak berlakunya melimpah-ruah bijibenih di pasaran antarabangsa supaya kita dapat mengawal produksi hasil kelapa sawit di pasaran dan juga di penanaman di seluruh dunia.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kes-kes penyelidikan teknologi untuk menghasilkan benih-benih kelapa sawit yang berkualiti diseludup ke negara asing? Jika ada, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kes-kes pencurian teknologi dalam industri kelapa sawit?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu ada terjawab sedikit sebanyak daripada jawapan asal yang telah saya berikan tadi. Apabila kita sebut memang berlaku penyeludupan bijibenih keluar negeri, ini bererti adanya penyeludupan bijibenih yang ada kualiti termasuk juga yang kurang kualiti. Soal untuk mengawal supaya teknologi pembenihan ini tidak sampai keluar negeri tanpa kawalan, perkara ini sedang dikawal oleh Kerajaan.

Sepertimana saya sebutkan tadi salah satu langkahnya ialah mengenakan tindakan oleh pihak Kastam supaya bijibenih dapat dikawal dengan penuh kepastian.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat yang berkenaan pernahkah Kementerian ini mengkaji biji-biji buah kelapa sawit kerana setahu saya ianya boleh dimakau dengan merebusnya dan boleh dibuat kerepek. Tidakkah pihak yang berkenaan bercadang untuk mempelbagaikan bahan-bahan yang sedia ada ini?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Di zaman teknologi ini segalanya mungkin. Kalau kita dapat membuat kajian bahawa kegunaan kelapa-sawit itu mengatasi kegunaan sekarang ini pasti sekali kita akan membuat pertimbangan dan dapat tafsiran sebenar. Tetapi haruslah kita fikirkan segala penyelidikan dan hasilnya hendaklah diasaskan kepada ciri perdagangan. Sepertimana yang ada sekarang ciri perdagangan itulah kita gunakan untuk menghasilkan hasil minyak kelapa sawit dan benda-benda lain lagi daripada hasil minyak kelapa sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi soalan tambahan sahaja. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abduliah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat, mengikut laporan atau siasatan, negeri manakah bijibenih kelapa sawit ini diseludupkan?

Kedua, apakah badan-badan tertentu yang diamanahkan oleh Kerajaan bagi mengawal mutu dan menjaga supaya benih-benih tidak terlepas ke tangan orang lain?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Saya rasa kalau kita sebut negeri, itu sudah menjadi sesuatu yang rasmi tetapi hal penyeludupan ini haruslah kita rahsiakan juga supaya kawalan dapat kita lakukan. Soalan yang kedua ialah mengenai badan tertentu. Saya rasa daripada segi penyelidikannya, salah satu badannya tentulah PORIM dan satu lagi dari segi langkah-langkah ialah sekatan seperti Kastam dan juga pihak Polis sendiri.

BANGUNAN LAMA PERHENTIAN KERETAPI SEREMBAN

6. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau menyedari yang rupa luar Perhentian Keretapi Seremban yang terletak di tengah-tengah bandar Seremban yang telah diindahkan oleh Majlis Perbandaran Seremban adalah menyakiti mata orang ramai. Adakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki rupa luaran serta kawasan sekelilingnya yang dipunyai oleh Penguatkuasa Perhentian Keretapi.

Timbalan Menteri Pengangkutan **[Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]**: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan bangunan stesen Keretapi Tanah Melayu adalah terdiri dari bangunan-bangunan lama yang dibina semasa zaman penjajah lagi. Walaupun lama ianya masih selamat untuk digunakan dan jika di perindah dan dipermodenkan bangunan-bangunan stesen ini akan menjadi lebih menarik. Keretapi Tanah Melayu telah mengenalpasti akan beberapa buah stesen yang perlu di perindahkan. Bilangan stesen-stesen tersebut adalah besar dan memerlukan juga perbelanjaan yang besar. Oleh kerana itu projek memperindahkan stesen-stesen keretapi ini dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan di pihak Keretapi Tanah Melayu sendiri.

" Stesen keretapi Seremban adalah salah satu stesen keretapi yang akan dipindahkan. Ini mungkin akan dijalankan selepas mendapat peruntukan, hasil dari kajian semula Rancangan Malaysia Kelima. Sementara menunggu peruntukan ini, pihak Keretapi Tanah Melayu telah diminta mengadakan usaha-usaha tertentu untuk mengindahkan kawasan sekelilingnya setakat mana yang boleh.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

7. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa dengan pemakaian Pelan Induk Perindustrian telah meletakkan negeri di dalam koridor kedua (Kelantan, Terengganu dan Pahang) di dalam keadaan yang serba salah kerana dengan sendirinya segera perancangan yang sedang dan akan dibuat oleh negeri masing-masing tidak akan menjadi keutamaan Kerajaan Pusat; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kemungkinan ini berlaku ke atas negeri-negeri yang terlibat.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemakaian Pelan Induk Perindustrian-perindustrian (1986 - 1995) dalam proses perancangan perindustrian negara sebenarnya adalah bertujuan untuk memudahkaa segala perancangan yang dibuat. Dua koridor perindustrian telah dirancang di Pantai Barat dan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia untuk dibangunkan dan adalah bagi mengurangkan kos pengeluaran syarikat-syarikat perkilangan yang beroperasi dan juga bagi mengurangkan kos perbelanjaan untuk mengadakan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian. Dengan wujudnya konsep "koridor perindustrian" ini, ianya pasti dapat memudahkan Kerajaan-kerajaan Negeri merancang pertumbuhan perindustrian di negeri masing-masing. Ini adalah memandangkan kepada pemusatan kegiatan ekonomi di beberapa kawasan tertentu, kewujudan infrastruktur, pelabuhan dan kesan rantaianya dengan industri-industri yang berasaskan sumber asli dan pertanian. Strategi ini adalah selaras dengan hasrat perancangan negeri-negeri yang terlibat dan soal perancangan negeri-negeri tidak akan menjadi keutamaan Kerajaan Pusat tidak timbul sama sekali.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, segala perancangan perindustrian yang telah dibuat di peringkat Kerajaan Pusat adalah selaras dengan perancangan di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan kita sedang berusaha untuk memperkembangkan sektor perindustrian dan perusahaan untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur ke dalam negara kita. Sesuatu permohonan daripada pelabur itu yang memohon lesen nerkilangan melalui MIDA kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, biasanya apabila mendapat kelulusan, mereka akan mendapat surat kelulusan sementara atau dengan izin, *Interim approval letter* dengan masa lebih kurang dua minggu dan surat kelulusan sementara ini adalah amat penting kepada seseorang pelabur yang ingin menubuhkan sesuatu kilang kerana mereka memerlukan surat kelulusan sementara ini untuk mendapatkan pinjaman wang bank dan memesan jentera.

Baru-baru ini kami dapati bahawa surat kelulusan sementara ini telah memakan masa lebih kurang 2 bulan untuk mengeluarkannya dan menyebabkan kelewatan pengeluaran surat kelulusan sementara ini daripada pihak-pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bahawa setengah-setengah projek ini sedang dan akan dicadang untuk memindahkannya ke negara lain. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar dan apakah tindakan yang diambil untuk mempercepatkan mengeluarkan surat kelulusan sementara ini.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini terkeluar daripada soalan asal, saya cuba menjawabnya. Untuk memudahkan dan mempercepatkan pemerosesan permohonan-permohonan daripada pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur tempatan, Kerajaan, telah menubuhkan satu "one-stop agency" di MIDA supaya permohonan boleh diproses dengan secepat mungkin.

Kementerian saya tidak sedar atas tuduhan ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan siasat perkara ini untuk mendapatkan satu jawapan yang lengkap dan akan diberitahu kepada Yang Berhormat.

KELUASAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

8. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah keluasan kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Berapakah keluasan kawasan yang telah didirikan oleh Bangunan:

(i) Pejabat-pejabat Kerajaan;

(ii) kedai-kedai, Bangunan Perniagaan, Rancangan Perumahan dan Perusahaan dan lain-lain lagi; dan berapa banyak kawasan tanah lapang yang belum didirikan bangunan serta kawasan tanah setinggan. Dan apakah syarat-syarat dan bagaimanakah caranya mereka yang hendak memohon tanah dalam kawasan Bandaraya sama ada kawasan taaab perumahan sendiri atau lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri **[Drs. Suleiman bin Mohamed]**: Tuan Yang di-Pertua, keluasan keseluruhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seluas 94 batu persegi atau 24,064 hektar. Daripada keluasan kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pembangunan kawasan-kawasan di bahagikan seperti berikut:-

(1) Kawasan Pejabat-pejabat Kerajaan ialah 2,203 hektar atau kira-kira 9.2% daripada keseluruhan keluasan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kawasan-kawasan ini terutamanya terletak di kawasan Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan, Jalan Duta dan Kompleks Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur dan lain-lain kawasan-kawasan di pusat bandar.

- (2) Kawasan bagi Perumahan, Perdagangan dan Perusahaan ialah kira-kira 6,316 hektar atau 26.22%. Kawasan yang boleh dimajukan tetapi belum didirikan rumah ialah kira-kira 3,018 hektar atau 12.5%. Kawasan yang didirikan - Setinggalan, ialah kira-kira 200 hektar atau 0.8%.

Untuk memohon tanah-tanah Kerajaan sama ada dalam bandaraya ataupun luar daripadanya hendaklah melalui borang-borang yang tertentu dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Kanun Tanah Negara 1965, di antaranya Individu yang berumur lebih daripada 18 tahun. Manakala bagi syarikat-syarikat pula hendaklah mempunyai peruntukan di dalam undang-undang tubuhnya yang memberi kebenaran untuk memiliki tanah.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada Timbalan Menteri yang berkenaan:-

- (1) berapa luaskah tanah yang telah diperuntukkan untuk tujuan kemajuan atau untuk tujuan pembangunan yang di bawah nama Datuk Bandar.
- (2) Boleh atau tidak tanah-tanah yang telah diperuntukkan di atas nama Datuk Bandar itu diberi kepada orangramai atau boleh dipohon.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tanah di bawah nama Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu selain daripada tanah Kerajaan (State land) tidak boleh dipohon atau dicagarkan, tetapi apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang untuk membangun secara pengswastan ataupun pembangunan perumahan maka syarikat-syarikat boleh menyertai tender.

Bagi jawapan yang pertama, saya tidak mempunyai satu jawapan yang terperinci dan saya mohon meminta notis.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa apakah rancangan yang telah sedia untuk menempatkan semula semua industri-industri ringan haram di sekitar Kuala Lumpur.

Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kecenderungan yang serius daripada pihak Kerajaan untuk menempatkan kilaag-kilang haram yang terdapat lebih kurang 1,000 yang terdapat di Kuala Lumpur ini. Tetapi selain daripada perancangan yang telah sedia ada, terutama di kawasaa Kepong yang diberikan kepada BS Realty, Kerajaan juga sedang memikirkan untuk mengadakan satu penempatan semula secara centralised. Dan setakat ini belum lagi dilaksanakan.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Jawatankuasa ditubuhkan untuk menimhang permohonan-permohonan tanah tersebut atau keputusan-keputusan yang dibuat oleh Datuk Bandar sahaja.

Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan mempunyai EXCO tanahnya sendiri.

IMPORT BAHAN MAKANAN

9. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Latiff** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan. seperti daging, ikan dan jagung bagi memenuhi keperluan Negara secukupnya dan terpaksa rnengimport beratus juta ringgit setahun bahan makanan kerana kos pengeluaran tempatan tinggi daripada bahan-bahan makanan yang diimport. Jika benar, apakah yang menyebabkan kos pengeluaran tempatan tinggi berbanding dengan bahan makanan yang diimport:

- (a) adakah harga baja, harga racun serangga dan harga makanan ternakan terlalu mahal;
- (b) adakah badan penyelidikan seperti MARDI dan lain-lain badan lagi yang diwujudkan dalam Negara ini tidak berjaya meningkatkan mutu dan hasil pengeluaran petani jika dibandingkan dengan Negara-negara lain; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan supaya kos pengeluaran bahan-bahan makanan dapat dikurangkan.

Menteri Pertanian [Dato' Seri Sanusi bin Junid]: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini susah hendak saya jawabkan dalam masa yang singkat, kerana ianya melibatkan soal defisit makanan di dalam negara yang melibatkan belanja sekitar \$3.200 juta. Walau bagaimanapun, defisit ini sekarang ini telah berkurang menjadi \$400 juta. Dan, Insya Allah, jika cuaca baik di darat dan di laut pada hari ini Malaysia akan menjadi net exporter makanan.

untuk tnenjawab soalan ini. secara menyeluruh saya bawa sebuah buku di sini, setebal 86 muka yang mengandungi pemikiran Kementerian yang akan saya serahkan kepada Ahli Yang Berliormat [Ketawa] . Nama bukunya "Antara Dua Ramadhan".

Yang Berhormat telah bertanya mengenai import makanan seperti daging, ikan dan jagung. Oleh kerana perkataan "seperti" digunakan saya kira soalan ini terlibatlah seperti babi, ayam dan sebagainya. Tetapi saya akan memberi perhatian hanya kepada daging, ikan dan jagung sahaja pada tengah hari ini.

Memang benar jagung yang kita import lebih murah daripada jagung tempatan. Sebabnya bukan kerana kegagalan MARDI dan bukan kerana harga baja ataupun harga racun serangga. Sebabnya ialah kerana harga tanah di negara-negara jiran seperti Thailand lebih murah daripada harga tanah di negara kita.

Yang kedua, harga upah pekerja-pekerja di ladang juga lebih murah di negara lain daripada di negara kita. Kita sedang berusaha untuk tanam sendiri dan kita terpaksa mengeluarkan jagung yang kalau tidak sama harganya dengan jagung import, mestilah lebih murah.

Ini boleh kita atasi, pertama jika kita bertemu dengan benih jagung yang lebih tinggi pengeluarannya, ini sedang diusahakan oleh MARDI. Dan juga jika kita dapat berusaha atas tanah yang luas menggunakan mesin untuk menjimatkan wang belanja upah pekerja dan dengan pengurusan yang berkesan.

Kita tidak boleh tahan import jagung daripada luar negeri untuk memastikan pertumbuhan penanaman jagung di dalam negara kerana jagung yang kita import kita beri makan kepada binatang-binatang ternakan seperti ayam dan lain-lain dan ayam kita ini pula dieksport. Kalau kita beri jagung mahal ayam makan, maka harga ayam kita juga akan mahal dan bermaknalah kita akan kalah di pasaran antarabangsa. Kita terpaksa mengimport jagung murah supaya harga ayam kita murah bila kita eksport ke luar negeri. Itulah sebabnya kalau kita lihat begitu banyak jagung diimport kita kenalah faham bahawa import yang banyak itu berkaitan dengan penambahan eksport ayam dan binatang-binatang lain di dalam negara.

Mengenai daging, daging yang kita makan ini ada 3 jenis daging; satu daging India, kedua daging Malaysia dan yang ketiga daging Australia, daging New Zealand dan daging Amerika. Daging daripada India ini lebih murah daripada daging Malaysia kerana di India orang pelihara lembu untuk tarik kereta lembu dan untuk susu. Apabila susu habis diperah dan lembu sudah tua sangat, hendak tarik kereta tak boleh, barulah lembu ini disembelih untuk dijual di Malaysia [Ketawa], jadi daging lembu yang kita makan ini daging lembu tua [Ketawa] dan harganya murah daripada daging biasa. Di Malaysia daging macam ini sangat popular bukan kerana lebih sedap, tetapi kerana lebih murah. Daging yang lebih sedap ini daging-daging lembu daripada Australia, New Zealand, daging ini kita import.

Pengeluaran di Malaysia dahulu, dahulu kita dapat menyaingi dari segi harga dengan lembu India fasal lembu kita dahulu pun sama keras isinya dengan lembu India fasal lembu kita pun berjalan dalam estet rata-rata. Pada waktu dahulu kita tak dapat bersaing dengan daging lembu Australia yang lembut. Sekarang dengan adanya sisa-sisa kelapa sawit, lembu kita tak payah berjalan untuk cari makanan, dia boleh duduk dalam rumah, dia boleh gemuk di situ tanpa bergerak, maka isinya pun jadi lembut. Sekarang daging lembu Malaysia dengan daging lembu Australia, New Zealand sudah sama taraf dan kita sudah boleh buat kad sama standard dengan standard yang ada di luar negeri dan kita pun sudah hantar orang-orang kita untuk belajar bagaimana cara hendak potong daging itu supaya nampak hebat di dalam supermarket.

Kita tidak bernasrat untuk mengeluarkan daging dan menyekat import daging daripada India kerana India membeli daripada kita pada masa dahulu sebelum minyak kelapa sawit naik harga sekitar 51,000 juta minyak kelapa sawit jadi kita mestilah membeli sesuatu daripada India, Tidaklah bijak bagi kita untuk menyekat perdagangan dengan negara sahabat yang banyak membeli barang kita. Saya fikir eloklah kita makan daging lembu ini walaupun ianya tua [Ketawa] dan walaupun ianya murah daripada harga daging tempatan.

Mengenai ikan, di masa lampau negara kita import ikan lebih dari eksport sekitar \$337 juta, insya Allah pada akhir bulan ini kita akan menjadi negara pengeksport ikan lebih daripada import. Ini telah berjaya kita lakukan dengan mendisiplinkan masyarakat di lautan tanpa memaafkan orang-orang yang melanggar peraturan dengan menangkap nelayan-nelayan asing yang menceroboh supaya ikan di

negara kita keluar ke negara asing bukan di luar kawalan dan bukan dengan cara curi, tetapi ikan yang mahu dibawa ke negara asing mesti mendarat dahulu di negara kita dan ikan itu akan keluar ke negara asing secara eksport.

Kita juga telah memperbanyakkan permit untuk keluar ke laut dan alhamdulillah, sudah beratus-ratus bot sekarang ini menangkap ikan. Oleh itu selaras dengan kehendak keselamatan kita telah perkenalkan tong plastik. Dengan memperkenalkan tong plastik bukan sahaja pasar kita sudah menjadi bertambah bersih, tetapi senjata tidak dapat diseludupkan dan boleh dikesan jika diseludup, tetapi lebih penting daripada itu kita dapat mengawal keluar-masuk ikan ke dalam negara kita. Jadi masa sekarang apabila ikan ditangkap di lautan kita dapatlah menyekat kemasukan ikan lain supaya nasib nelayan tidak terjejas.

Oleh itu, soalan Yang Berhormat sama ada kita berusaha untuk meningkatkan, memang kita berusaha tetapi bagi tiap satu jenis binatang dan tanaman kita mempunyai dasar-dasar yang berlainan. Terima kasih.

SKIM PERUMAHAN PEKERJA LADANG/LOMBONG

10. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Buruh menyatakan semenjak Skim Perumahan Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong dilaksanakan mulai tahun 1974, berapakah jumlah rancangan yang diamalkan dengan sempurna:

- (a) jika pelaksanaan tidak memuaskan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah cara pelaksanaan dengan memujuk para majikan ladang dan lombong supaya memberi tapak dan kemudahan asas untuk membolehkan para pekerja membina rumah sendiri dengan bantuan daripada institusi kewangan; dan
- (b) apakah keadaan sebenarnya mengenai "Revolving Fund" yang diumumkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1974 dan jumlah pekerja yang mendapat faedah dari "Revolving Fund" itu.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, skim memiliki rumah pekerja mula dilaksanakan pada tahun 1973, Semenjak itu 8 buah ladang dan sebuah lombong telah sempurna melaksanakan skim-skim mereka dengan membina 1,605 unit rumah untuk pekerja-pekerja mereka.

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, Skim Memiliki Rumah Pekerja ini adalah satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka untuk kediaman sendiri. Memandangkan skim ini adalah skim sukarela, kemajuan pelaksanaannya belum mencapai tahap yang menggalakkan. Namun begitu, selain daripada yang telah disebutkan tadi, sebanyak 15 buah ladang dan 6 buah lombong lagi telah turut mengambil bahagian dalam skim ini dan sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Bilangan rumah yang dijangka akan dibina oleh ladang dan lombong tersebut ialah 10,144 unit.

Kementerian Buruh telah dan akan terus menggalakkan lebih ramai lagi para majikan menyertai skim ini dan tidak kira apa jua cara pelaksanaannya. Ada majikan yang membina rumah kos rendah untuk dijual kepada orang ramai dengan keutamaan diberi kepada para pekerjanya sendiri. Majikan ladang-ladang dan lombong yang besar adalah digalakkan juga supaya memberi tapak dan kemudahan asas untuk membolehkan para pekerja membina rumah sendiri. Kementerian Buruh juga akan bekerjasama lebih rapi lagi dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjayakan skim ini.

- (b) Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan adalah dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertujuan untuk memberi kemudahan pinjaman kepada rakyat berpendapatan rendah yang terdiri daripada penoreh getah, petani, buruh, pekerja kilang, pekerja lombong, nelayan, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain lagi bagi membolehkan mereka memiliki rumah sendiri sekurang-kurangnya rumah asas. Sehingga 31.5.88 sejumlah 3,040 rakyat berpendapatan rendah telah mendapat kemudahan pinjaman di bawah skim ini.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan majikan-majikan tidak dapat diamalkan skim perumahan pekerja-pekerja ladatig dengan penuh kerana apabila majikan mohon kepada Kerajaan Negeri untuk menukar syarat pindahmilik, Kerajaan amalkan syarat 50% rumah-rumah kepada kaum bumiputera. Nampaknya pekerja-pekerja kaum bumiputera kurang di ladang-ladang, oleh kerana itu bolehkah Kerajaan melanggar syarat ini?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat akan dikaji.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tahu Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata Kementerian Buruh selalu menggalakkan, tetapi semenjak 15 tahun skitn ini telah diamalkan cuma 9 skim sahaja dilaksanakan. Bagaimana galakan dan sambutan daripada Kerajaan Negeri, bolehkah Yang Berhormat memberitahu di Dewan yang mulia ini?

Satu lagi, apabila kami tinjau pengurus-pengurus ladang, mereka tidak mahu melaksanakan skim ini kerana mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan kewangan daripada institusi-institusi kewangan. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa majikan akan digalakkan supaya memberi tapak tanah, kemudian pekerja-pekerja sendiri boleh mendirikan rumahnya dengan bantuan bank-bank?

Tuan Kalakau Untol: Seperti yang ditegaskan tadi, bahawa skim pelaksanaan beri rumah pada para pekerja ini bukanlah paksaan, hanya sukarela dan setakat ini rekod yang ada pada Kementerian adalah begitu membanggakan kerana pada tahun 1973 hanya 1,605 unit sahaja dilaksanakan tetapi pada tahun berikutnya, masa kini dijangka 10,144 unit yang akan dibuat. Selain daripada itu, di bawah Kementerian Perumahan juga ada rancangan untuk membuat pinjaman kepada rumah kos rendah ini. Selain daripada itu, Kerajaan juga memberi tekanan bahawa pembinaan rumah kos rendah diperlaksanakan.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata tadi, skim-skim perumahan pekerja-pekerja ini adalah dengan cara sukarela di ladang-ladang estet, ladang-ladang getah dan sebagainya. Kalau kita biar macam itu

sukarela, selama-lamanya, sehingga 20 tahun atau 30 tahun pun kita tidak boleh melaksanakan skim perumahan pekerja-pekerja ini. Jadi seperti mana saudara saya Yang Berhormat G. Rajoo berkata, Kerajaan—kerajaan Negeri tidak begitu memberi sambutan kepada skim-skim ini. Sebagai satu contoh, di negeri Kedah, satu ladang Ladang BMR memohon untuk membuat satu skim perumahan pekerja-pekerja di ladang itu

Tuan Yang di—Pertua: Ahli Yang Berhormat, bolehkah kemukakan soalan tambahan.

Tuan P. Balaram: Jadi, bolehkah Kerajaan membuat satu undang-undang untuk membina rumah-rumah untuk pekerja-pekerja di estet-estet?

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh membuat undang-undang mewajibkan semua ladang-ladang membina rumah pada pekerja-pekerja kerana taraf ladang itu bukan sama. Ada yang ladang besar dan ladang kecil dan tidak begitu adil memaksa ladang-ladang kecil yang tidak berupaya untuk membuat rumah pada pekerja-pekerjanya.

KESAN DASAR KEBUDAYAAN NEGARA

11. **Dr Nordin Selat** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan kesan-kesan dasar kebudayaan negara pada cara hidup masyarakat Malaysia sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kementerian belum lagi membuat sebarang kajian mengenai kesan—kesan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada cara hidup masyarakat Malaysia sekarang. Walaupun begitu, pada umumnya memang terdapat kesan-kesan yang ada dan sedang berlaku khususnya melalui proses pertembungan dan asimilasi unsur-unsur budaya antara kaum di negara ini. Perkara ini dapat dilihat melalui penerimaan seperti pakaian, makanan, kesenian dan sebagainya. Di samping itu, dari segi pemikiran, kesannya dapat dilihat seperti penggunaan Bahasa Kebangsaan, nilai dan norma yang positif, taat setia, bersih, cekap, amanah, patriotisme dan sebagainya.

BAJA UREA/AMNONIA - JUMLAH PENGELUARAN

12. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran baja Urea dan Ammonia yang dihasilkan oleh negara melalui loji ABP di Bintulu;
- (b) jumlah dan nilai harga baja Urea dan Ammonia yang dijual dalam pasaran tempatan, serta lebihan yang dieksport; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi masalah lebihan penawaran baja berkenaan di pasaran antarabangsa, dan kemasukan baja murah dari negara asing dalam pasaran tempatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin

Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran baja Urea dan Ammonia yang dihasilkan oleh loji ABF di Bintulu pada tahun 1987 ialah 519,842 tan metrik dan 328,189 tan metrik masing-masing.

Jualan baja Urea dalam pasaran tempatan pada tahun 1987 berjumlah 159,280 tan metrik bernilai \$34,2 juta, sementara jualan Ammonia pula berjumlah 2,762 tan metrik bernilai \$950,000.

Jualan baja Urea yang dieksport pada tahun 1987 ialah sebanyak 377,778 tan metrik bernilai \$88.1 juta, sementara jualan Ammonia pula ialah sebanyak 25,248 tan metrik bernilai \$6.5 juta.

Kerajaan tidak menghadapi sebarang masalah lebihan penawaran baja di pasaran antarabangsa dan kemasukan baja murah dalam pasaran tempatan.

PASUKAN KAWALAN DI HOSPITAL

13. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) buat masa sekarang, Hospital Besar mempunyai pasukan kawalan, adakah pasukan ini diserahkan bulat-bulat kepada mereka membuat kawalan ataupun di bawah jagaan pegawai-pegawai tinggi hospital berkenaan; dan
 - (b) adakah mereka-mereka ini juga dilatih untuk bersopan santun dan berbudi babasa tinggi bagi pelawat-pelawat yang datang melawat pesakit-pesakit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di—Pertua, pasukan kawalan di hospital-hospital adalah tertakluk kepada tugas dan peraturan-peraturan seperti yang ditetapkan di dalam kontrak yang ditandatangani dengan syarikat pasukan keselamatan berkaitan.

Tugas-tugas kawalan diserahkan kepada pasukan ini yang diketuai oleh seorang penyelia dan penyelia itu dipertanggungjawabkan untuk mengawasi kakitangan bawahannya. Dalam menjalankan tugas-tugas mereka memanglah bertanggungjawab kepada pihak berkuasa hospital.

Jawapan untuk (b), untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan tidak mengadakan latihan khusus untuk anggota pengawal keselamatan tetapi telah mensyaratkan kepada pihak pentadbiran syarikat swasta untuk melatih dan menjaga disiplin serta sopan santun anggotanya mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan - maaf saya, Menterinya pun ada dalam Dewan - iaitu mereka-mereka yang menjadi pengawal atau pasukan kawalan ini kerap kali melakukan tugas-tugas yang menimbulkan rasa

kurang senang di kalangan orang ramai terutama pelawat-pelawat kerana mereka ini kasar dan kadangkalanya termasuk dalam jumlah kurang ajar iaitu menghalau, mengherdik dan kadang-kadang menyergah pelawat-pelawat yang mungkin kurang faham tentang peraturan termasuk VIP-VIP?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kadangkala berlaku, tetapi pihak Kementerian ada langkah-langkah untuk mengawasi tingkahlaku mereka dan kalaulah ada laporan yang teliti tentang hal itu, maka pihak Kementerian akan mengambil tindakan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin membuat soalan tambahan sedikit, Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, adakah ura-ura Kementerian Kesihatan sendiri, khasnya Hospital Besar untuk mengadakan pasukan keselamatan hospital sendiri tidak lagi ambil pasukan keselamatan daripada agensi-agensi yang ada kerana saya berpendapat kalau sekiranya kita mempunyai sendiri pasukan keselamatan mungkin kita boleh melatih dia bersopan santun terhadap pelawat-pelawat. Saya wujudkan soalan ini oleh kerana saya selalu kerap kali dapati memang terdapat begitu kurang sopan pasukan keselamatan terhadap pelawat-pelawat dan saya ingin juga tahu apakah tugas Lembaga Pelawat Hospital Besar untuk mengambil tahu segala-galanya ini, kalau sekiranya pelawat-pelawat itu tidak boleh buat kerja, ganti dengan pelawat-pelawat lain. Saya sendiri sanggup menawarkan diri. (Ketawa)

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang trend ataupun kecenderungan ialah untuk menswastakan sesuatu badan. Jadi tidak ada cadangan untuk mengambil alih pasukan kawalan pada ketika ini dan tentang masalah sopan santun yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya pihak Kementerian tidak menerima banyak aduan berhubung dengan masalah sopan santun dengan secara rasmi.

GURU YANG SEDANG BRRKHIDMAT

14. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan guru yang sedang berkhidmat sekarang;
- (b) berapa jumlah Skim Perkhidmatan Perguruan yang berkuatkuasa pada masa ini; dan
- (c) bilakah Kementerian Pendidikan bercadang mengadakan dua sahaja Skim Perkhidmatan Perguruan iaitu guru-guru yang berijazah dan guru-guru yang tidak berijazah,

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woo See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat jumlah bilangan guru yang sedang berkhidmat sekarang. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan Jun, 1987 bilangan guru tetap yang sedang berkhidmat di sekolah menengah dan sekolah rendah adalah seramai 169 orang dan 192 orang dan bilangan guru sandaran dan guru sementara ialah 14,025 orang; Jumlah - 183,217 orang.

Jumlah Skim Perkhidmatan Perguruan yang berkuatkuasa pada masa ini ialah 11 Skim untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori D1, D2, D3, D4; C1, C2; T1, T2, T3, T4 dan B1. Kementerian Pendidikan masih lagi mengkaji cadangan mewujudkan dua skim perkhidmatan perguruan. Oleh itu pihak Kementerian tidak dapat memastikan bilakah ia akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Balaram.

Tuan Balaram Pathanaidu: Tuan Yang di-Pertua, didapati sekolah-sekolah tamil di kawasan-kawasan pendalaman kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih. Adakah Kerajaan ingin menambah guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih kepada sekolah-sekolah Tamil di kawasan-kawasan pendalaman itu?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit bilangan guru-guru di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk bandingan. Di sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, jumlah guru tetap ialah 76,425 orang dan guru sandaran 394 orang dan guru sementara 6,685 orang dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China guru tetap 23,945 orang dan guru sandaran 1,998 orang dan guru sementara 3,519 orang dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, guru tetap 5,050 orang dan guru sandaran 700 orang dan guru sementara hanya 729 orang dan untuk sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil 555 buah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaaa No. 15 hingga 76 adalah]

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN
SAMSU GELAP)(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [13hb
Julai, 1988]

Tuan Yang di—Pertua:Saya jemput Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin menyambung semula ucapan beliau semalam. Silakan Yang Berhormat.

4.35 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyambung percakapan saya yang terhenti dalam membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976, di mana ketika saya bercakap semalam, oleh kerana masa yang tidak mengizinkan, saya telah berhenti ketika saya sedang hendak memperkatakan bagaimana untuk mencegah samsu haram atau samsu gelap ini daripada terus menerus digunakan atau disalah gunakan oleh mereka yang menagihnya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyebut beberapa saranan dan pandangan, antara lain ialah kempen pencegahan anti samsu gelap atau samsu haram hendaklah dilancarkan dengan seberapa segeranya dan elok juga dimulakan dan diterapkan di sekolah-sekolah. Kerajaan kita telahpun mencipta penyerapan mengenai kempen anti dadah melalui

ko-kurikulum di sekolah-sekolah, maka baik juga rasanya kalau dalam masalah dadah itu diselitkan juga atau ditambah lagi dengan perkataan samsu, sama ada ingin menyambung dengan samsu gelap atau memadai dengan perkataan samsu kerana kalau ada gelap ada terang nanti dia rasa yang terang itu tidak bermasalah, maka mungkin menimbulkan kekeliruan seperti juga dalam makna, waktu kita melancarkan kempen dadah dahulu. Peringkat awal di negara kita, kita melancarkan kempen anti-dadah di kalangan rakyat ini dengan menamakan kempen itu 'Kempen Anti-Penyalahgunaan Dadah'. Apabila kita mengetahui bahawa perkataan penyalahgunaan itu telah disalahgunakan pula, maka kita buang perkataan penyalahgunaan dadah dan kita gantikan dengan kempen "Anti-Dadah" sahaja. Setelah kita rasa kempen anti-dadah juga tidak meninggalkan kesan yang diharapkan, mereka masih juga suka, syok, mencari dan menunggu peluang untuk menjadi calon-calon penagih, maka kita tambah satu perkataan sebelum dadah iaitu kempen 'Anti-Najis Dadah'.

Saya suka mengesyorkan dalam samsu gelap ini disebut juga perkataan "Kempen Anti-Najis Samsu", dalam perkataan Tamil saya kurang maklum, sahabat saya di Dewan ini bolehlah nanti mengistilahkannya dalam perkataan Tamil. Tempan pendidikan kepada anak-anak sangat perlu kerana penularan penagihan samsu ini sudah merupakan seolah-olah seperti akar-umbi atau sudah terlalu lekat kepada kawan-kawan kita keturunan India yang berada di pedalaman, terutamanya yang menjadi pekerja-pekerja di ladang-ladang atau di estet-estet. Jadi untuk menyingkir atau hendak menghadkan mereka daripada menggunakan samsu, rasa saya agak sukar kalau kempen-kempen melalui penguatkuasaan, melalui pendekatan pencegahan, tidak dilancarkan.

Saya setuju juga dengan kawan saya semalam, ada yang

menyatakan minum samsu haram ini sebenarnya ada juga kaitannya dengan penjajahan, kerana sewaktu penjajahan dahulu para pekerja-para pekerja ladang ini telah dijadikan alat atau bahan eksploitasi kepada tuan-tuan punya ladang. Mereka hendak bekerja-bekerja ini supaya jangan memikirkan gaji yang kecil, layanan yang tidak sewajarnya atau tidak adanya kemudahan-kemudahan yang perlu. Sebagai gantian atau sebagai balasan kepada tugas mereka yang telah memperkayakan tauke-tauke atau tuanpunya-tuanpunya ladang ini, maka mereka diberikan ration, dengan maaf, atau bekalan khas samsu. Jadi, sesudah penat kerja, minum samsu, mereka pun khayal, tidak sempat hendak fikir apakah untang nasib hari depan mereka dan bagaimana mereka telah ditindas dan telah diperah oleh tuanpunya-tuanpunya ataupun majikan-majikan yang datang daripada negara-negara luar di zaman itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap ini pada tahun 1940an, bukan sekarang. Majikan sekarang sudah banyak menunjukkan sikap toleransi dan banyak memberikan kemudahan-kemudahan yang wajar kepada para pekerja mereka kerana ada saya lihat satu siri di televisyen, TV3 - TV1 dan TV2 belum lagi buat - bahawa mereka meninjau keadaan untung nasib dan kehidupan harian pekerja-pekerja ladang ini bukan sahaja pekerja-pekerja keturunan India, keturunan kita Jawa kita pun ada dan keturunan kita Cina pun ada. Nampaknya ada beberapa layanan-layanan yang berbentuk kemanusiaan dijalankan, umpamanya ada Tadika, ada juga padang bola walaupun barangkali tidak begitu memuaskan, ada tempat main badminton, ada kemudahan main pingpong dan juga ada kemudahan-kemudahan untuk kutub-khanah kecil. Tetapi ada lagi majikan-majikan yang sedang berseronok-seronok menindas kaum pekerja ini dengan gajinya yang murah dan layanan-layanan yang buruk. Sebab itu mereka minum samsu hendak menghilangkan kerunsingan, kepenatan atau kepedihan, keperitan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa Kerajaan elok juga memberikan nasihat-nasihat atau pandangan-pandangan melalui pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, mungkin ini di Kementerian Buruh, iaitu supaya majikan-majikan dan tuanpunya-tuanpunya ladang yang banyak mempunyai pekerja-pekerja yang suka kepada samsu ini meneliti juga masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerjanya. Mana-mana yang belum lagi mengadakan kemudahan-kemudahan wajar untuk pekerja-pekerjanya seperti kemudahan rekreasi, perumahan yang agak baik, imbuhan kerja yang sesuai dan juga beberapa perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka ditengok, dipelihara atau diberikan beberapa pertolongan atau sekurang-kurangnya diberikan kemudahan-kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang sederhana juga boleh membantu membasmi perangai ataupun kesukaan untuk meminum samsu ini kerana apabila mereka ini banyak masanya diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah sambil di situ mereka diberikan bimbingan bahawa samsu itu membawa kepada keburukan dengan memberikan contoh-contoh teladan, bimbingan kesihatan dan lain-lainnya, mungkin perkara ini dapat kita hapuskan dengan jangka masa yang segera.

Selain daripada itu saya rasa peranan media-massa terutamanya yang berbentuk elektronik dari Kerajaan seperti radio kerana di pendalaman ini radiolah hiburan yang paling penting untuk mereka. Ada setengah-setengahnya sudah ada TV, jadi ada baiknya bimbingan daripada Kempen Anti Najis Samsu ini dijalankan melalui drama, melalui lagu-lagu. Kalau lagu 'Ayo-yo-Samy' ada, apa salahnya di buat lagu 'Ayo-yo najis todi atau samsu'. Jadi, dengan melalui bimbingan lagu-lagu ini mereka juga dapat tahu nanti rupa-rupanya samsu ini membawa kepada kemerbahayaan, Radio baik sekali membuat drama-drama yang menunjukkan akibat yang negatif kepada mereka yang minum samsu gelap atau samsu terang, rangkumlah sekali semuanya, asal nama samsu itu bolehlah dijadikan bahan kepada pembimbingan fikiran dan meng"educate" atau memberikan mereka pengetahuan akan bahaya-bahaya kepada samsu. Ini juga peluang duit kepada para artis dan penulis skrip terutamanya orang-orang kita Tamil. Apabila buat drama-drama yang berunsur samsu, pihak penerbit di radio, di TV akan menerimanya dengan baik sebab selaras dengan dasar Kerajaan dan isu semasa iaitu pengembangan Kempen Anti Samsu. Saya mengesyorkan dan elok juga penyanyi-penyanyi Tamil yang terkenal - saya minat semuanya tetapi nama saya tidak ingat - yang paling saya ingat ialah

Sarangapani - maaf saya kalau silap namanya. Mereka juga boleh mendengarkan lagu-lagu melalui pertunjukan pentas. Saya tahu kebanyakan artis-artis kita sekarang ini seronok ataupun cenderung menghibur rakyat melalui pertunjukan pentas atau lebih dikenal dengan nama 'fun fair' ataupun expo-expo kecilan atau dengan Pentarama misalnya boleh diselit-selitkan lagu-lagu seperti ini.

Kita dapati manusia ini kalau ditegur secara keras, sukar dia hendak terima tetapi kalau ditegur secara lembut, insya Allah, cepat dia terima. Dalam lagu-lagu itu selitkan, dalam drama selitkan, mungkin juga dalam bentuk tablo atau pantomim, perkara ini boleh menarik perhatian.

Kita faham masyarakat kita di Malaysia ini adalah masyarakat yang suka kepada perkara yang lemh-lembut dan pendekatan yang baik serta pendekatan yang mengandungi kasih mesra. Kita belum dapat lagi menerima pendekatan yang kasar, keras atau tidak bersopan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini juga perlu dijalankan. Kita tidak hendak semuanya kita pulangkan kepada Kerajaan, kita kena ambil peranan sama. Kita merayulah kepada pihak-pihak, badan-badan pertubuhan terutama daripada kawan-kawan kita dari keturunan India supaya segera mengambil bahagian dalam perkara-perkara ini, umpamanya seperti MIC, mereka banyak mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa kebajikan dan ini boleh diteruskan dengan kerjasama daripada, kalau politiknya UMNO, MCA. Saya rasa kita sama-satna boleh bantu membantu, dan badan-badan sukarela iaitu badan-badan budaya, badan-badan belia, beliawanis boleh juga ambil peranan penting dalam perkara ini. Ingatlah, kalau sebahagian daripada rakyat kita ini kecundang, maka hasilnya negara kita juga yang akan terjejas imejnya. Pepatah orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, "Cubit peha kanan,

peha kiri terasa juga". Jadi maksudnya, kalau ada rakyat kita ini yang menjadi mangsa kepada dadah, kepada samsu, kepada kebudayaan-kebudayaan liar dan mereka nanti menjadi sampah kepada masyarakat atau merbahaya kepada kehidupannya, maka ini juga merupakan jejasan kepada kestabilan di negara kita ini tidak kira keturunan, bangsa atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kempen ini, saya rasa kempen yang paling berkesan ialah melalui poster-poster atau kartun-kartun. Saya mengesyorkan supaya mana-mana pihak yang ingin hendak membuat poster-poster Kempen Anti Samsu ini letakkan keranda atau dengan izin, coffin atau dalam bahasa Tamilnya saya tanya kawan saya tadi Yang Berhormat di belakang saya, katanya "pinnappetti". Saya harap saya menyebutkannya dengan betul kerana kawan saya Encik Krishnan, saya pernah tegur dia menyebut perkataan dalam Bahasa Kebangsaan. Saya takut nanti dia tegur pula saya, tidak betul pronunciation mengenai perkataan ini. Dengan izin iaitu "pinnappetti" kerana terdapat seorang kawan baik saya, rakan seperjuangan saya telah berpuasa kerana ingin menyelesaikan masalahnya, atas rasa terharunya kepada fitnah dan kepada tohmah yang dilemparkan kepadanya. Dia telah mencipta satu sejarah dalam negara kita ini iaitu dengan berpuasa, mogok lapar, dan meletakkan keranda di sebelahnya. Apabila suratkhbar keluarkan sahaja berita ini, masalahnya pun diambil berat dan "solosai" kata orang Negeri Sembilan. Kita juga boleh meletakkan di sebelah Kempen-kempen Anti Samsu Gelap, Anti Dadah, Najis Dadah, Anti Alkohol - keranda di sebelahnya, sesiapa yang bantah, kerandalah yang akan jadi rakannya, sama ada jangka pendek ataupun jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, mengharapkan semua perkara-perkara yang disebutkan di Dewan ini akan diambil perhatian berat oleh semua pihak - Kerajaan, orang ramai, para pemimpin, badan-badan swasta, majikan, persatuan-persatuan - maka saya rasa usaha-usaha yang hendak dijalankan ini eloklah digabungkan, digembelingkan dan terus dilaksanakan.

Tidak usah lagi kita berdebat antara kita salah menyalah. Kita kata Kerajaan salah, Kerajaan kata apa yang awak buat. Kita pula kata majikan salah, majikan kata pekerja salah. Maka tidak adalah kesudahannya, yang penting kita berpadu satu, menjalankan usaha, meletakkan satu garis panduan untuk bergerak dan kemudiannya kita terus bergerak dan boleh lancarkan kempen anti samsu. Kita jemputlah Dato' Samy Vellu merasmikannya atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai usaha pertama dalam kita mendekati rakyat-rakyat yang berkenaan.

Bila sebut perkataan samsu, saya rasa di kalangan keturunan masyarakat Cina juga ada juga kaitannya dengan samsu. Ada kawan-kawan saya daripada keturunan Cina menggunakan samsu sewaktu selepas bersalin kerana katanya ini ubat yang paling mujarab. Saya tidak tahu apa jenis samsunya tetapi perkataan samsu juga mungkin ada beza tidak tahulah saya. Saya bukanlah pakar dalam hal samsu. Selepas bersalin dia minum, maka cepat betahnya, cepat baiknya, perut pun cepat kempis, balik jadi cantik dan lawa.

Tuan Yang di-Pertua, adakah samsu ini juga mengandungi bahan-bahan yang merbahaya. Saya tidak faham dan ini ada dijual banyak di kedai singse-singse jenis samsu seperti ini. Apakah ianya memabukkan atau hanya untuk sekadar ubat-ubatan sahaja. Saya tidak tahu harap Kementerian yang berkenaan membuat penelitian sebelum terlambat. Kalau samsu gelap sudah banyak mangsanya takut nanti

samsu terang yang dijual di kedai singse-singse juga satu ketika nanti menimbulkan masalah di kalangan rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh rasa hormat takzim apa yang saya katakan ini dengan tulus ikhlas untuk negara dan untuk bangsa, satu rupa bangsa kita maka saya harap ianya diterima dengan baik dan dengan rasa ikhlas dan rasa terbuka oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong penuh akan Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan dan akan diluluskan, saya percaya, sebentar lagi iaitu satu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini dan saya sekali lagi menyokongnya. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: **Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.**

3.54 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, samsu gelap dengan samsu lain ada apa perbezaan, saya fikir semua samsu juga. Kalau negara kita benarkan orang-orang sudah biasa minum samsu, saya fikir negara ini ada rakyat yang pandai-pandai pada masa sekarang apabila sudah ada niat minum samsu tidak kira samsu gelap ataupun samsu terang, ada satu hari pun boleh jadi gila. Dengan itu saya fikir sampailah masa Kerajaan kita hapuskan semua samsu yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, samsu gelap ini tidak ada berlesen. Jadi bermakna samsu gelap. Samsu gelap memang gelap dan apabila sese-

orang minum samsu gelap ini, berapa cerdik, berapa pandai pun boleh jadi bodoh dan bila ikhtiar sudah hilang macam-macam boleh berlaku di society, dengan izin, ada di sosial di kalangan golongan berbilang bangsa atau di mana-mana.

Jadi tempat-tempat itu apabila ada seseorang minum samsu gelap tempat itu boleh jadi huru hara, anak isteri pun susah, jiran pun susah. Saya buat satu contoh. Beberapa tahun yang lalu saya ada satu jiran, saya tidak mahu sebut apa bangsa. Tiap-tiap hari minum samsu gelap, dia bekerja di Hospital Muar, jadi bila sudah minum orang itu pun sudah gelap [Ketawa]. Jadi pukul isteri, pukul anak, semua jiran duduk di sana termasuk saya pun takut. Oleh kerana apabila seseorang telah minum samsu itu sudah jadi gila, ia memukul orang, bila pergi mahkamah dia tidak sampai gantung mati, cuma hukum sahaja. Jadi, kita yang mati, kita yang jadi mangsa.

Perkara ini sampailah masanya kita ubahkan Akta ini. Samsu Gelap ini punca dari mana? Kerajaan kita mesti cari puncanya. Orang yang minum samsu gelap dari mana mereka dapat minum, sekiranya samsu gelap tidak ada orang yang buat tidak ada orang minum. Jadi orang yang buat itu patutlah bila ditangkap oleh pihak Kerajaan patutlah dihukum gantung sampai mati. Samsu gelap ini seperti najis dadah merbahaya.

Jadi selalu kita nampak di jalanraya pun, di kaki lima bila seseorang minum samsu gelap dia gerak geri pun tidak sama, jalan pun tidak sama. Jadi ini satu dosa yang besar dan kita tidak boleh

terima. Ada juga pada hari ini di negara kita ada berlaku ada berpuak-puak orang yang tahu pemimpin itu suka minum samsu-samsu terang. Jadi bila mereka hendak dapat satu perkara untuk mereka hendak cakap di hadapan tidak dapat, jemputlah mereka minum samsu. Bila sudah minum samsu satu botol, dua botol, tiga botol, orang itu, orang berapa besar pun sudah mabuk, bila sudah mabuk bolehlah selesai perkara itu. Inilah satu perkara yang bahaya kepada pegawai-pegawai yang tertinggi di dalam negara kita.

Bila satu orang sudah bernafsu minum samsu gelap atau samsu terang yang ada berlesen pun salah juga. Jadi berapa pandai pun bila anggap perkara ini sudah biasa minum samsu itu orang sudah tidak boleh tanggungjawab sebagai kakitangan Kerajaan. Kalau ada urusan-urusan sulit pun boleh jadi dipecahkan, dikeluarkan oleh kerana sekarang di dunia ini, di Malaysia ada banyak orang pandai, jahat hendak gunakan pegawai itu tidak dapat, dia mesti gunakan dengan cara ini.

Di negara kita, negara Islam ini samsu kita haramkan. Jadi kalau saya sebutkan haramkan orang yang minum samsu tentu tidak sokong, tidak setuju. Ya, hari ini ada orang soal saya punca wang dari mana. Negara hasil mesti kurang, kita tidak setuju orang minum samsu sampai dua, tiga botol sampai gila tetapi samsu baik, boleh jadi ubat, kalau kita ada sakit badan, tulang, ada sakit malam-malam minum sedikit satu, dua sudu itu baik. Tetapi orang Asia

dengan orang Eropah tidak sama. Dia minum samsu macam minum air. Jadi bila satu orang sudah minum samsu badan makin lama makin rosak, boleh jadi sakit jantung, darah tinggi, kencing manis, berbagai jenis penyakit datang.

Jadi, Malaysia kita ini satu negara yang baru, muda. Rakyat kita ada tanggungjawab. Kita tidak mahu pemimpin atau rakyat jelata yang minum samsu jadi gila. Jadi, semua ikut dia jadi gila. Apabila seseorang sudah minum samsu, di tengah jalan dia pun boleh buat macam-macam seperti tarian, menyanyi pun boleh. Pada biasanya dia tidak boleh, tetapi apabila sudah minum, boleh menyanyi, boleh buat begitu, buat begini. Ini satu perkara sudah jadi kacau-bilau kepada masyarakat kita. Kadang-kadang di tengah jalan dia goyang badan, begitu-begini. Jadi, kenderaan pun ikut juga berhenti tengok. Ini mengganggu keselamatan orang ramai. Bila kita tengok ada orang minum samsu gelap macam-macam perkara boleh jadi, macam-macam perkara boleh berlaku. Ini perkara benar. Jadi, saya harap Kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional, dipilih oleh rakyat, untuk rakyat, kita mestilah bertanggungjawab jaga betul-betul kepentingan negara kita dan rakyat kita. Jangan ada segolongan orang yang kecil mengacau masyarakat kita, kita tidak mahu. Jadi, perkara ini mesti dihapuskan. Apabila ada orang buat begitu, mesti dihukum dengan kuat sampai gantung mati, baru orang takut.

Baru-baru ini kita sudah buat satu keputusan, najis dadah boleh gantung sampai mati, tetapi orang pun tidak takut. Masa sekarang pun ada orang buat juga. Oleh kerana ada sebahagian orang bila dengar wang sahaja mereka sudah ada nafsu, hendak cari wang sahaja, mati mereka tidak hairan, wang ada, sudah. Jadi, berapa kuat kita buat, berapa kali kita sudah ubah undang-undang, masih ada orang berani buat. Malaysia adalah satu Kerajaan yang cukup demokrasi. Macam manapun besok atau hari ini kita akan lulus Akta ini, saya fikir selepas kita luluskan pindaan, perkara ini boleh berlaku juga. Jadi, kita mesti cari punca dari mana orang yang buat samsu

gelap ini pandai, dia cari tempayan-tempayan yang besar, dia gali lobang, tanam dalam tanah, simpan di sana, tutup atas. Jadi, Kerajaan mesti cari tempat-tempat, punca-punca dari mana sampai boleh hapuskan perkara ini. Kalau tidak, masih ada samsu gelap, mesti ada orang minum.

Sekarang saya fikir semua orang tahu, air kelapa ini pun samsu juga. Bila simpan tiga, empat hari, minum sedap, boleh jadi gila. Jadi, Kerajaan mesti berhentikan orang-orang yang ada estet, kelapa tidak boleh pajak kepada orang untuk potong air kelapa. Itu pun samsu juga. Kalau ada, kansel lesen itu, rampas gerannya sampai orang tidak berani buat. Kalau tidak, hari-hari kita boleh nampak orang ada kebun getah, pajak kepada orang, hari-hari panjat, potong air. Jadi, air itu disimpan tiga, empat sampai seminggu, wah! minum banyak sedap, selepas minum pun goyang badan, sedap juga. Jadi, semua orang pun ikut juga. Jadi, kita tidak mahu nampak. Kita sayang orang yang bergaji rendah. Orang yang minum samsu gelap, orang yang tidak boleh beli samsu terang, oleh kerana samsu gelap murah. Orang yang bergaji sebulan dua tiga ratus beli samsu gelap, minum. Apabila sudah minum, balik ke rumah anak bini dibantai. Jadi, perkara ini tidak mahu tengok lagi di negara kita.

Apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya fikir perkara ini tidak akan berlaku lagi di dalam negara kita.

Dengan ini saya sekali lagi sokong penuh Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Tuan Balaram.

4.04 ptg.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang kepada saya. Peluang ini merupakan peluang pertama kali bagi saya setelah saya dilantik sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini baru-baru ini. Sebelum saya melanjutkan perbahasan dalam debat yang begitu tertarik hari kerana banyak orang kawan-kawan saya ingin hendak bahas mengenai samsu gelap ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga saya kepada Kerajaan Negeri Kedah dan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, Dato' S. Samy Vellu kerana memajukan nama saya supaya dilantik sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama sahabat-sahabat saya, saya juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk menyuarakan dan menyatakan sokongan saya bagi satu Akta untuk meminda Akta Membarui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Walaupun pindaan ini 'long overdue', dengan izin, sepertimana kawan-kawan saya kata, tetapi eloklah kita mengadakan pindaan ini sekarang seperti kata-kata, 'better late than never', dengan izin,

Tuan Yang di-Pertua, didapati bahawa beberapa tahun kebelakangan ini ada beberapa badan dalam negara kita, baik badan-badan atau parti-parti politik, organisasi-organisasi sosial atau badan-badan agama menyuarakan ketidakpuasan hati mereka kepada undang-undang yang kita sedia ada sekarang ini. Badan-badan tersebut ini tiap-tiap tahun membuat resolusi-resolusi dalam mesyuarat-mesyuarat agung tahunan mereka untuk menambahkan penalti-penalti ke atas orang-orang yang terlibat dalam aktiviti samsu gelap ini. Badan-

badan ini khawatir bahawa kalau Kerajaan tidak ambil langkah-langkah yang positif maka lama kelamaan banyak lagi keluarga akan diancam oleh penyakit samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya pindaan ini dan dengan menguatkuasakan undang-undang ini dengan keras, maka bolehlah kita harapkan bahawa kebahagiaan, keamanan beratus-ratus keluarga dapat diselamat dan dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli yang lihat sendiri mayat peminum-peminum samsu haram di Lunas pada bulan Januari, 1981, saya sedar dan yakin betapa pentingnya pindaan yang kita bahaskan pada hari ini. Anak-anak hilang bapa menjadi anak yatim, isteri-isteri hilang suami menjadi balu, ibubapa yang tua hilang anak sulung, tidak ada tempat lindungan lagi. Apabila pencari nafkah satu-satu keluarga tidak ada lagi, akibatnya tempat tinggal yang disewa terpaksa ditinggalkan. Apabila bapa tidak ada lagi, pelajaran anak-anak terpaksa berhenti, apabila anak yang menjaga ibubapanya hilang, tidak ada lagi, maka orang-orang tuanya menjadi peminta sedekah.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang menyebabkan keadaan ini? Siapakah yang menimbulkan masalah-masalah bagi negara kita ini? Siapakah si pembunuh itu dan adakah kita memberikan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya? Ada sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini yang telah mengesyorkan hukuman gantung kepada orang-orang yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti samsu gelap ini.

Walaupun pada pindaan Fasal 3, 4, 6 dan 7 masing-masing menambahkan penalti-penalti, Kerajaan harus juga fikirkan hukuman seperti melucutkan kerakyatan dan merampas harta-harta orang-orang yang terlibat dalam aktiviti samsu gelap itu. Saya berpendapat akibat samsu gelap ini ialah sama seperti najis dadah. Oleh kerana itu perhatian yang serius yang kita berikan kepada najis dadah harus juga kita berikan kepada samsu gelap dan hukuman-kukumannya pun kita samakan seperti yang diberi kepada orang-orang yang terlibat dalam najis dadah juga. Diharapkan mahkamah-mahkamah kita apabila menjatuhkan hukuman kepada orang-orang yang terlibat dalam aktiviti samsu gelap ini akan mengenakan hukuman seperti itu yang maksimum, kerana hukuman-hukuman akan menjadi deterrent, dengan izin, kepada orang-orang lain dan juga kepada orang-orang yang ingin menjadi kaya dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada akibat-akibat samsu gelap yang begitu buruk sekali, maka saya suka mengesyorkan bahawa pertamanya iklan-iklan samsu dalam apa jua bentuk diharamkan daripada tersiarinya dalam suratkhbar dan lain-lain media massa; kedua, haramkan penjualan samsu itu dalam plastik; ketiga adakan kempen-kempen sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat syorkan sebentar tadi, di tempat-tempat tertentu; dan keempat, adakan penguatkuasaan undang-undang yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan saya itu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana membawa pindaan ini dan saya memberikan sokongan saya yang sepenuhnya kepada pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.

4.03 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri di sini untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, samsu gelap biasanya dibuat di tempat-tempat gelap, ada kalanya dan sehingga tidak dapat dikesan oleh mata-mata gelap. Jadi, kita juga tahu peminat atau konsumernya boleh dikatakan ramai dari golongan orang yang gelap tetapi akhirnya ini golongan 'kuning langsung' sama menyertai. Mereka ini tidak menghiraukan buruk padahnya nikmat khayalan yang mereka memuaskan diri sendiri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini memang tepat pada masanya untuk dipinda kerana seperti dalam Fasal 3, 4, 6 dan 7 itu kita dapati tempoh pemenjaraan mandatori ditambahkan kepada satu tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun; hukuman denda diganti dengan sebatan mandatori yang tidak kurang daripada duakali.

Walau bagaimanapun, jikalau samsu gelap mengandungi apa-apa bahan berbahaya, tempoh pemenjaraan mandatori itu dilanjutkan kepada satu tempoh yang tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan satu sebatan mandatori yang tidak kurang daripada enam kali bagi mereka yang mengilang dan memperdagang. Ini boleh dikatakan satu hukuman yang berat juga. Tetapi soalnya sekarang adakah selepas kita luluskan Rang Undang-undang ini dan kita laksanakan mereka ini akan serik ataupun mereka ini tidak akan minum samsu gelap itu. Ini kita akan melihatnya kerana saya dapati dadah dan samsu gelap adalah tetap memberikan mudarat kepada kesihatan manusia sejagat.

Jadi, sebaliknya saya sendiri tidak faham sama ada perlukah kita hanya menyekat samsu gelap sahaja, apakah jenis samsu gelap itu hendak difahami atau dikenalpasti bentuknya; adakah samsu gelap itu yang di'pack' atau disimpan dalam plastik itu dinamakan samsu gelap ataupun samsu gelap itu dijual dengan murah ataupun samsu gelap itu yang memendekkan umur? Ini juga menjadi tandatanya sekali sekala kepada saya. Di sebaliknya bolehkah kita membenarkan samsu dimasukkan dalam botol yang sudah ada tanda ataupun brand, boleh dijual dengan berleluasa. Ini juga menjadi tandatanya kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ayat al-Quran ada Firman Allah Subhanahu wa-Taala yang bermaksud bahawa ayat itu memberikan amaran kepada orang-orang Islam dan juga kepada bani Adam, "Diharamkan kepada kamu khamar dan perjudian dan perkataan al-khamaru itu pertama sekali disebut iaitu arak. Yang kedua disebut al-maisir iaitu perjudian dan ketiga al-azlam atau tilik - sekarang kita katakan Tilik Nujum Pak Belalang. Cubalah kita lihat betapa besarnya hikmat ayat ini. Pada mulanya disebut "Jangan sentuh arak kerana arak inilah yang membawa kamu kepada perjudian dan selepas perjudian dia

jadi pula ahli nujum yakni hendak memastikan di manakah kedudukan nasibnya. Inilah yang patut kita meneliti secara mendalam seperti kata Yang Berhormat Tuan R. Jasni semalam mengenai penerapan nilai-nilai Islam tidaklah semestinya bagi orang-orang Islam sahaja mengambil berat ataupun tidak semestinya orang bukan Islam mengenyapkannya.

Bagi saya, agama menyeru kita membuat baik, segala agama menyeru kita menjauhkan yang tak baik. Saya amat berasa keliru juga sekali sekala apakala kita membincangkan fasal minuman keras **ini**. Bolehlah dikatakan puncanya mereka yang mencari minuman haram ataupun minuman gelap dan murah, puncanya kita kena faham, kena mengerti, kalau dia tak pernah merasa jenis minuman keras dia tak tertarik kepada minuman yang dikatakan minuman gelap. Mereka sudah merasa, boleh jadi pada peringkat mulanya Stout, kononnya menguatkan badan, iklannya pun hebat sungguh dalam akhbar dan TV. Begitu juga minuman-minuman liquor yang hebat-hebat, iklannya besar-besar dan status seseorang dan darjatnya dipandang dari segi minuman sama ada dia ada banyak botol minuman di rumahnya, di bar counter atau mini-bar ataupun cara dia hidup mesti ada jenis minuman yang tersebut.

Ini juga kita perlu buat kajian. Kalaulah kita menekankan hari ini minuman yang memendekkan umur iaitu minuman yang kita katakan tadi yang gelap yang memendekkan umur tetapi kita tidak menghiraukan kepada minuman yang menjadikan bani Adam itu syaitan. Sebab terang sudah ayat, sebuah potongan ayat dalam suratul-Yassin - sudah diberi amaran kepada kita oleh Allah s.w.t. bahawa bani Adam itu janganlah bersekutu dengan syaitan, jangan menyembah syaitan, jangan ikut ajaran syaitan ataupun hasutan-hasutan syaitan, jangan dipengaruhi oleh syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh ketat. Tuhan menyuruh kita menyembahNya dan mengikut jalan yang benar, yang mustakim, yang lurus.

Bagi saya, samsu ini saya pandang jijik sama ada dia gelap ataupun dia cerah ataupun dia terang. Kalau hendak haramkan, kalau bolehnya mungkin tidak mudah diharamkan sekali gus, kita buat perlahan-lahan. Contohnya, pada hari ini rokok. Ada pada tempat-tempat tidak boleh merokok, Ada tempat—tempat, ada majlis-majlis tidak dibenarkan merokok. Itu peringkat permulaan. Mungkin sedikit demi sedikit satu ketika nanti boleh kita berhenti rokok. Tetapi dengan adanya iklan yang sehebat-hebatnya, susah sedikitlah nampaknya orang yang hendak berhenti merokok. Dia pula ada satu sentimen khayalan barangkali. Saya pernah merokok, tetapi alhamdulillah, saya dapat menghentinya, syukur. Tetapi kata orang-orang kemudian ini, rokok ini juga boleh memberi dia ilham. Bila dia hendak membuat sesuatu, hendak menulis sesuatu, hendak memikirkan sesuatu perlu ada rokok, mesti merokok. Mungkin ada juga sesuatu benda yang dimasukkan untuk membagikan dia jadi khayal yang mana susah dia hendak berhenti.

Sebaliknya kalaulah minuman yang kita tekankan hari ini, minuman gelap, saya berharaplah supaya Kerajaan juga menitikberatkan secara apa sekalipun, cara perlahan-lahankah atau apa cara sekalipun supaya dapat kita mengurangkan sama ada di segi iklan, sama ada kita ikhtiar mengurangkan pendapatan yang kita dapat melalui penjualan barang-barang minuman keras ini. Saya pernah melahirkan, kita hadkan duti free-shop di mana arak dijual dengan murah. Cuba kita lihat apakala orang-orang kita melancong ke luar negeri, dia balik, hatta orang Islam sendiri memberi pasport kepada rakannya yang bukan Islam, "awak hendak beli, belilah. Nah pasport saya". Dia bersubahat sama, sabab rakannya hendak membeli arak yang murah. Ini pun saya rasa sedih ada orang-orang Islam meminjamkan pasport internationalnya, "Dahlah awak hendak beli lebihpun boleh". Dan ada pula yang sanggup membawanya lepas daripada Kastam, Kalau bawa banyak sangat, Kastam akan tanya, "apa fasal awak beli banyak botol". Jadi untuk menolong kawannya, dia bawa sama botol yang dibeli oleh kawannya, yang dibayar oleh kawannya yang hanya menggunakan pasportnya sahaja. Sanggup dia bersubahat untuk mengambil hati kawan. Ini sedang berlaku. Hasilnya, kita negara Islam, agama rasminya agama Islam, mengapa kita tidak mengurangkan hasil pendapatan kita daripada jualan arak ini, daripada income pendapatan yang kita terima sekarang ini daripada jualan arak. Ini perlu kita buat kajian juga kerana seperti dikatakan tadi, kalau tidak pernah dia rasa, dia tidak akan terjerumus dalam minuman arak yang kita kata samsu gelap. Samsu itu arak juga, cuma dia memendekkan umur. Inilah kita perlu membuat kajian secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh ikhtiar bermacam-macam cara tetapi mereka yang berusaha itu, dia juga akan mencari banyak cara dia boleh buat. Cara dia, dia menggalakkan banyak consumers, pengguna dan tarikannya banyak dibuat supaya ramai mahu mendekati benda yang kita haramkan atau kita ketatkan undang-undang. Inilah akan menjadi masalah besar kepada Kerajaan kita.

Hari ini saya berasa sedih juga melihat kilang-kilang yang besar. Baru-baru ini saya sempat membawa seorang hamba Allah, seorang alim ke Shah Alam melintas ke factory 'Carlsburg'. Dia punya subhanallah daripada tempat itu sampai ke tempat yang kami tuju itu beratus-ratus kali. Mengapa katanya, perlu ada kilang ini di sini, di negara Islam kita ini. Bukankah arak ini membawa satu gejala yang buruk, yang dia menggelapkan mata, yang dia membuat sebarang apa sahaja yang dilarang oleh agama. Dia tidak kenal emak, dia tidak kenal bapa, dia tidak kenal anak.

Kita pernah dengar hal cerita rogol ini, na'uzubillah, sehingga bapak tidak mengenal anaknya. Ini yang samsu gelap ataupun arak yang menggelapkan matanya. Ini juga satu gejala yang kita lihat sekarang ini yang ketara sekali. Kita kita kita galakan kilang-kilang luar ataupun pemodal-pemodal asing berkongsi dengan pemodal dalam negeri ini membuka kilang mengeluarkan minuman keras. Ada juga orang kata minuman seperti Carlsburg beer atau stout ini tidak memabukkan, dia ini baik untuk kesihatan. Tetapi kalau kita lihat kepada mudarat dan kesihatan, mudaratnya lebih daripada kesihatan. Ini juga perlu kita ambil berat.

Saya bersyukur, dari satu segi pula, kilang-kilang yang mengeluarkan liquor belum ada lagi. Janganlah kalau ada penanam

modal daripada luar, contohnya kalau pengeluar 'Hermessy' atau lain-lain itu hendak datang ke sini hendak mencari pemodal tempatan untuk membuat kilang, janganlah sama sekali. Kalau boleh dengan beransur-ansur kilang-kilang yang sedia ada ditukarkan menjadi kilang-kilang yang lain. Memadailah dengan kilang yang sudah ada ini dan hadnya tidak ada untuk mengimport, seberapa banyak boleh mengimport minuman-minuman yang dikatakan arak dan samsu. Sama sahaja bagi saya, samsu itupun dialah, arak itupun dialah, yang ini kita hebohkan tentang gelap - gelaplah dia selalu kepada orang yang meminumnya.

Tuan Yang di-Pertua, dadah sedang membunuh belia-belia Malaysia. Sebilangan terbesarnya adalah terdiri daripada anak-anak bangsa Melayu yang diharapkan akan memimpin negara ini.

Begitu juga kita lihat belia-belie keturunan India dan juga lain-lain tetapi majoritinya di estet-estet juga meminum minuman yang murah yang disebut samsu gelap. Ini juga membimbangkan pemimpin-pemimpin orang-orang India di sini, takut belia-belie ini juga akan menjadi seperti belia-belie Melayu - bangkai yang bernyawa, tidak boleh hendak menggunakan fikirannya, tidak boleh membuat sesuatu untuk kebaikan dirinya atau untuk melanjutkan pelajaran.

Akhir-akhir ini ada juga pemimpin-pemimpin, bekas-bekas negarawan dan ahli-ahli politik menjadi mabuk tanpa minum arak, Hakim-hakim pun sudah naik mabuk; sudah orang kata tidak kenal yang baik dan buruk tanpa minum arak. Ini pun menjadi satu masalah kepada negara kita.

Pucuk pimpinan kita sekarang memerah otak bersungguh-sungguh untuk mencari jalan apakah caranya hendak menghapuskan gejala-gejala ini iaitu dadah, samsu baram dan perbuatan-perbuatan yang tidak baik seperti maksiat dan lain-lain. Sedang memikirkan bagaimana hendak bawa kemajuan kepada negara ini, bagaimana hendak bawa ekonomi Malaysia iaitu satu ekonotni yang baik supaya rakyatnya hidup senang dan menikmati kehidupan yang baik. Tetapi hal-hal yang sedang berlaku sekarang ini sudah menggugat perpaduan dan juga memecahkan persefahaman di antara berbilang bangsa yang bermastautin di Malaysia.

Saya terpaksa menyentuh sedikit dalam hal ini supaya kita sedar bukan semuanya yang mabuk itu datangnya dari orang yang meminum arak; bukan semuanya yang kita tidak masukkan dalam golongan tidak mabuk itu ataupun golongan yang mabuk itu tidak minum arak.

Jadi sekarang ini sudah menjadi satu tanda-tanya pula, selain daripada kita ikhtiar hendak mengharamkan, hendak mengurangkan perkara-perkara yang tidak baik, timbul pula benda-benda yang mana kita lihat tidak patut berlaku sudah berlaku. Ini juga hasutan syaitan. Contohnya, saya tidak segan dalam hal ini. Dengan terus-terang saya hendak sebutkan iaitu Bapa Malaysia yang diagung-agungkan pada suatu masa dahulu, tetapi sekarang beliau dan rakan-rakannya memberi sumbangan ke arah perpecahan bangsa Melayu yang mana akan membawa satu kesan buruk dan mala petaka, bencana dan musibat kepada semua bangsa tidak kira keturunan apa jua yang ingini hidup secara aman dan sentosa selalu.

Memanglah boleh dihujah bahawa sesiapa sahaja berhak dari segi undang-undang untuk bertindak memulihkan UMNO yang telah diisytiharkan tidak sah kemudian didaftarkan semula dan disahkan.

Bagaimanapun politik sebagai yang diketahui oleh orang-orang politik sendiri bukanlah sesuatu yang boleh diselesaikan masalah-masalahnya atas perkiraan undang-undang sahaja. Apabila diperhitungkan kepentingan orang-orang Melayu yang harus disandarkan kepada perpaduan dan persefahaman yang lebih luas maka jelaslah semua pihak terpaksa berhati-hati. Sebarang tindakan, terutamanya yang dilakukan oleh kumpulan yang jelas dan terang kelihatan berada di pinggir barisan pemimpin yang lebih diterima sebagai pemimpin-pemimpin orang Melayu, ukuran yang lebih bermakna iaitu pilihanraya umum. Jika tidak mahu dipergunakan ukuran pilihan

parti maka soal kepentingan orang Melayu yang besar tempatnya, seolah-olah diketepikan demi kepentingan-kepentingan yang lain tidak begitu penting. Maka ternampaklah juga seolah-olah tujuannya bukanlah untuk mententeram dan menenangkan keadaan. Seolah-olah satu perlumbaan untuk menentukan siapakah yang bertindak dahulu dan untuk menghidupkan parti. Seolah-olah para pemimpin Melayu yang lebih dekat kepada masalah yang dihadapi tidak mahu menghidupkan parti yang telah terkubur. Seolah-olah mereka tidak mahu lagi parti tersebut terus wujud bagi menyambungkan perjuangan untuk segala yang dianggap penting oleh orang-orang Melayu.

Apabila ditenungi begitu maka tentulah timbul kekesalan di sana-sini tentang langkah yang diambil oleh kumpulan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dalam menubuhkan Jawatankuasa Penapa sebuah parti baru, yang bermaksud untuk menghidupkan semula UMNO. Jika Tunku menawarkan diri untuk berpakat dengan barisan pemimpin yang mendapat pengiktirafan dari jumlah orang Melayu yang lebih ramai maka Tunku dan kawan-kawannya itu tentulah akan dianggap sebagai hendak membantu. Malangnya ini tidak berlaku. Dan tidak hairanlah ramai yang berpendapat usaha untuk menubuhkan parti baru yang melibatkan Tunku itu akan mengeruhkan lagi keadaan. Jadi rumusan yang dibuat oleh ramai pemimpin Melayu yang lain bahawa penubuhan parti tajaan Tunku itu bukanlah cara untuk membolehkan UMNO sebagai pertubuhan Melayu yang terbesar.....

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, perkara yang **di**.....

Tuan Abdul Hamid Araby bin Haji Md Salih: Saya hendak sampai ke akhir ini oleh kerana perpaduan dan juga untuk tujuan yang kita hari ini berada dalam negara yang kita cintai ini.

Saya sedar mungkin tidak banyak perkataan "samsu" disentuh dalam apa yang saya cakap kemudian ini, tetapi pokoknya perpaduan dan keamanan. Perpaduan Melayu membawa perpaduan semua bangsa di dalam negara ini. Dengan adanya kekuatan dan perpaduan Melayu, begitu juga bangsa-bangsa lain, negara ini akan aman damai. Pemimpin kita dapat memikirkan cara dan jalan yang baik di semua segi. Barang yang buruk itu semua kita hendak elakkan, barang yang tidak baik kita tidak mahu rakyat memilih atau membuatnya. Tetapi dalam keadaan kucar-kacir begini, campur tangan, campur aduk sehingga Istana mencampuri politik dan sebagainya maka terganggu, terganggu pemikiran pemimpin-pemimpin kita dan usaha untuk mewujudkan beberapa perkara atau perubahan yang membawa kebaikan kepada rakyat Malaysia ini akan terganggu dan tidak tercapai. Itulah yang saya sedikit terlajak saya terus bercakap - memang bukan terlajak, sengaja; memang saya hendak bawa hal ini supaya dapat kita sedar di antara orang yang mabuk, khayal tanpa minum pun dia menjadi khayal dan mabuk.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak sentuh lagi yang ada kaitan jua dengan hal-hal, perkara-perkara yang buruk banyak berlaku. Contohnya kita lihat akhir-akhir ini Hakim-hakim pun sudah main politik, Bar Council pun main politik.

Timbalan Yang di—Pertua: Saya harap ditujukan kepada Rang Undang-undang yang sedang dibabaskan.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Rumusan saya hendak buat di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya juga harapkan rakan-rakan saya di sini agar negara kita ini aman damai, pemimpin di semua golongan memberi kerjasama yang sepuh untuk memberi sokongan yang jitu kepada usaha-usaha Kerajaan sedang menjalankan seperti juga usaha untuk menghapuskan ataupun mengawal penggunaan dadah secara leluasa dan begitu juga samsu haram. Jadi kalaulah kita tidak memberi sedikit-sebanyak teguran pun adakalanya orang yang tak ditegur itu dia tak menghiraukan sesiapa. Jadi, oleh kerana itu saya anggap kita ini semua bertanggungjawab di atas baik dan buruknya berlaku di negara ini. Tegur-menegur sudah menjadi satu kewajipan kepada kita tetapi cara menegurnya mungkin ada yang kasar, ada yang lembut tetapi ada tempatnya perlu dikasarkan, ada pada tempatnya perlu dilembutkan, dihaluskan.

Maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Valli.

4.42 ptg.

Puan Yalli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kaum wanita India di negara ini saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Dato' Samy Vellu, Menteri Kerjaraya dan Presiden MIC kerana membentangkan Rang Undang-undang Pindaan Akta Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Kami menyokong Akta ini dengan sepenuhnya kerana ia merupakan langkah pertama menghapuskan penderitaan kaum wanita kita di negara ini. Sebagai Ketua Wanita MIC, saya telah menemui ramai bilangan

kaum wanita terutamanya dari sektor ladang yang keluarga mereka tidak langsung mempunyai masa depan yang cerah kerana pendapatan mereka dihabiskan ke atas samsu. Adakalanya setengah suami begitu kejam sehingga menjadikan isteri mereka sebagai pelacur semata-mata untuk menampung tabiat minum arak mereka. Kaum wanita juga menghadapi berbagai masalah termasuk dibelasah oleh suami mereka dan terdapat juga insiden di mana ayah telah merogol anak sendiri kerana terlalu mabuk. Samsu telah memusnahkan kebahagiaan banyak rumahtangga di sektor ladang.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kedai-kedai runcit menjual samsu dengan kredit kepada pekerja-pekerja estet dan menunggu sehingga hari pembayaran gaji untuk mengutip bayaran. Kadangkala gaji mereka tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang mereka. Saya menggesa Kerajaan supaya mengambil tindakan berat ke atas kedai-kedai ini yang menjual samsu dan juga kalau boleh mengharamkan penjualan samsu dalam peket-paket plastik.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) berkuatkuasa sejak tahun 1976 tetapi masih ada terdapat ramai orang yang menjadi mangsa samsu yang membawa kepada kematian. Kini sudah sampai masanya samsu dianggap sebagai masalah nasional. Pihak berkenaan hendaklah melaksanakan pindaan yang dicadangkan dengan lebih berkesan kerana trajedi yang berlaku di Lunas Trans-Krian, Selangor dan Seremban tidak berulang lagi. Kita tidak sepatutnya bersimpati dengan pembuat samsu haram yang tidak mempunyai perikemanusiaan.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya mempercepatkan penubuhan pusat pemulihan untuk membantu dan menasihati penagih arak. Pihak Pembangkang telahpun mencadangkan bahawa banyak lagi publisiti

diberi untuk mendidik orang awam tentang bahaya minum samsu haram dan bukan mengenakan bujukan lebih berat. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, saya merasa oleh kerana undang—undang yang sedia ada tidak begitu efektif untuk mengawal kekejaman ini, hukuman lebih berat mestilah dikenakan.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada keluarga yang musnah kerana samsu makin bertambah, saya sokong sepenuhnya pindaan kepada Rang Undang-undang ini dan merayu kepada Kerajaan supaya haramkan sama sekali minuman arak, dengan izin, 'prohibition of alcohol' seperti di India. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan, dan selepas ini Puan Salbiah.

4.47 ptg.

Dr Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong satu Rang Undang-undang Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988.

Rakan-rakan saya telahpun memberitahu Dewan yang mulia ini berkenaan dengan banyak aspek kesan-kesan buruk yang didatangkan oleh samsu haram. Di sini saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan beberapa isu yang berkaitan dengan minuman samsu sama ada samsu halal ataupun samsu haram. Kita dapati bahawa banyak kemalangan jalan sudahpun berlaku akibat pemandu-pemandu yang di bawah pengaruh samsu sama ada samsu halal ataupun samsu gelap. Oleh kerana itu saya rasa tepatlah masanya kalau kita menguatkuasakan undang-undang yang diadakan di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan supaya pemandu-pemandu yang mempunyai amaun alkohol yang tertentu di dalam darahnya atau

nafasnya akan dihukum kerana memandu dengan pengaruh alkohol ataupun samsu. Ini perlu dijalankan dengan lebih ketat lagi kerana kita dapati bahawa selepas majlis-majlis makan di dalam musim-musim perayaan, kenduri-kenduri yang tertentu yang diadakan oleh kaum Cina dan India dan juga orang-orang yang bukan muslim, kita dapati bahawa ramai pemandu-pemandu kereta yang memandu di bawah pengaruh samsu yang teruk dan banyak kali kemalangan sudah berlaku yang menghilangkan nyawa-nyawa yang sangat berharga. Kita pun tahu bahawa kadang-kadang ada pemandu-pemandu kereta yang memandu keretanya ke dalam longkang, ke dalam bangunan dan seterusnya oleh kerana mabuk kerana minum samsu-samsu.

Oleh sebab itu, saya berpendapat bahawa pihak polis, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan perlu mengadakan pemeriksaan jalan yang lebih kerap dan di mana-mana tempat di mana ada majlis-majlis makan malam dan sebagainya supaya kita boleh kenalpastikan pemandu-pemandu yang barangkali di bawah pengaruh samsu.

Saya rasa langkah-langkah pencegahan itu adalah lebih penting daripada langkah-langkah menangkap pemandu-pemandu yang sedang memandu. Sebelum mereka memandu, kita mesti menahan mereka supaya mereka tidak memandu untuk menyebabkan kemalangan dari kehilangan nyawa. Dari segi ini saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang sesuai untuk memastikan bahawa kemalangan-kemalangan tidak berlaku sebagai satu akibat samsu.

Baru-baru ini dalam negara kita, kita dapati bahawa banyak kelab-kelab sosial telah ditubuhkan di merata-rata tempat untuk hiburan orang ramai. Hiburan sebenarnya dibenarkan untuk ahli-ahli kelab sahaja, tetapi sebagaimana yang kita semua tahu sesiapa yang ingin menjadi ahli hanya perlu mengisi satu borang yang ringkas, selepas itu dia pun menjadi ahli secara automatik dengan membayar yuran masuk yang minima sahaja. Oleh sebab itu, ramai pemuda-pemudi sudah menjadi ahli-ahli kepada kelab-kelab sosial itu dan menyertai aktiviti-aktiviti dalam kelab-kelab sosial. Aktiviti-aktiviti itu termasuklah permainan billiard, permainan mesin-mesin judi dan juga tidak ketinggalan aktiviti minum di bar dalam kelab itu, 'bar' itu bermaksud bukan Bar Council, dengan izin, tetapi bar minuman dan minuman itu bukan minuman yang bagus tetapi minuman seperti arak dan samsu. Padahal kebanyakan pemuda-pemudi itu atau sebahagian daripada mereka itu masih dalam bangku sekolah. Ada yang masih belajar dalam Tingkatan 4, 5 atau 6 ataupun dalam maktab-maktab yang tertentu. Tetapi mereka tidak memakai pakaian seragam dan oleh itu jaga pintu kelab-kelab itu tidak boleh menahan mereka daripada memasuki kelab-kelab itu apabila mereka tunjukkan kad keahlian kelab-kelab tersebut.

Oleh sebab itu, saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan supaya menjadikan satu kesalahan apabila budak-budak sekolah yang belum mencapai umur 21 memasuki kelab-kelab sosial itu demi kebaikan mereka kerana dengan langkah itu, kita boleh mencegah pelajar-pelajar sekolah yang umurnya dalam lingkungan lebih kurang 17 hingga 21 daripada menyertai aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan yang teruk lagi membawa kesan buruk kepada kesihatan mereka.

Saya rasa dengan meminum arak, samsu dan sebagainya pelajar-pelajar sekolah itu tentulah tidak dapat menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran mereka dan tentulah satu hari nanti apabila mereka menghadapi peperiksaan sekolah ataupun peperiksaan Kerajaan mereka gagal. Kegagalan itu adalah satu akibat daripada tabiat meminum samsu. Kalau kita boleh menghalang mereka daripada mengambil perhatian dalam aktiviti-aktiviti kelab sosial secara undang-undang, kita boleh mencegah pelajar-pelajar sekolah daripada dipengaruhi oleh samsu. Saya rasa itu adalah satu langkah yang bagus untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar sekolah itu sebenar-benarnya menumpukan perhatian mereka kepada aktiviti yang sihat dan pelajaran mereka terutama sekali.

Pada masa ini, saya rasa sangat senanglah kalau kita hendak beli samsu. Di kedai kopi pun kita boleh dapat; di kedai-kedai runcit, restoran-restoran, bar-bar dan juga kedai-kedai ubat pun boleh didapati. Oleh kerana dengan senangnya samsu ini boleh dibeli, kita dapati bahawa budak-budak pun boleh beli, orang tua pun boleh beli, lelaki pun boleh beli dan perempuan pun boleh beli. Dengan tidak ada satu cara untuk menghadkan siapa yang boleh beli samsu, kita dapati bahawa dagangan penjualan samsu itu adalah

sangat bagus. Mengikut pandangan penjual samsu, untung pun banyak dan cukai bagi Kerajaan pun banyak. Tetapi satu perkara yang penting kita sudah tinggalkan - kita tidak hadkan siapa yang boleh beli arak atau samsu. Sebenarnya kalau pelajar-pelajar sekolah tidak digalakkan meminum arak atau samsu mereka itu tidak boleh membeli samsu. Jikalau kita berpendapat bahawa kanak-kanak tidak boleh minum samsu, maka secara automatik mereka itu tidak boleh membeli samsu daripada kedai-kedai.

Jadi saya ingin mengatakan bahawa saya berharap Kerajaan boleh menggubalkan undang-undang untuk menghalang orang-orang yang berumur kurang daripada 21 untuk membeli samsu - langsung tidak boleh beli. Kalau mereka membeli, itu boleh dianggapkan satu kesalahan yang besar dan boleh dihukum. Saya rasa dengan cara itu kita boleh hadkan penjualan dan pembelian samsu dan dari segi yang sama, untuk tujuan yang sama, kita mesti hadkan tempat-tempat di mana samsu boleh dijualkan.

Kalau kita merujuk kepada negeri-negeri asing pula, kita dapati bahawa walaupun mereka meminum arak - samsu itu memang satu bahagian daripada kebudayaan barat - mereka tidak benarkan samsu itu dijual di mana-mana tempat sahaja. Mereka hanya benarkan samsu itu dijual di kedai-kedai liquor yang tertentu. Kalau kedai itu tidak dilesenkan untuk menjual samsu dan kedai itu menjual samsu pula maka itu sudah menjadi satu kesalahan mengikut undang-undang negeri-negeri asing. Oleh kerana itu saya rasa kita boleh membuat demikian juga, menghadkan kedai-kedai yang berlesen untuk menjual samsu kepada orang awam. Ini boleh dianggap sebagai satu langkah ke arah menghapuskan samsu.

Memang kita tidak dapat menghapuskan samsu dalam satu hari tetapi saya rasa ini adalah langkah yang pertama. Kita boleh mengurangkan tempat-tempat di mana orang awam boleh membeli samsu. Jadi kita perlu adakan satu perlesenan yang khas untuk kedai-kedai yang boleh menjualkan samsu kepada orang awam dan dengan cara itu saya rasa penjualan dan pembelian samsu itu dapat dikawal dan tabiat membeli dan meminum samsu oleh orang-orang yang tidak dibenarkan itu boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita ingin katakan bahawa sekiranya ada bahan-bahan merbahaya dalam samsu haram yang dikenalpastikan, pesalah itu boleh didenda atau dihukum dengan satu hukuman yang lebih berat, perlulah kita senaraikan bahan-bahan yang merbahaya yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini di Fasal 3, 4, 6 dan 7. Jikalau definisi dan senarai bahan-bahan merbahaya itu tidak dijelaskan dengan jelas di dalam Rang Undang-undang ini dan dibiarkan sebagai tafsiran penguatkuasa sahaja, kita akan dapati satu hari nanti kalau benda yang bukan merbahaya itu boleh ditafsirkan sebagai merbahaya oleh penguatkuasa undang-undang, siapa yang akan rugi ialah si pesalah itu.

Kalau pesalah itu benar-benar membuat samsu gelap yang mengandungi bahan-bahan yang merbahaya perlulah sekarang ini pihak yang berkenaan apabila menggubal Rang Undang-undang ini masukkan satu senarai bahan-bahan merbahaya. Saya boleh cadangkan beberapa contoh, tetapi oleh kerana saya bukan pakar kimia dan sebagainya, saya tidak boleh memberi satu senarai yang lengkap. Tetapi adalah menjadi harapan saya bahawa pihak pakar yang tertentu boleh melengkapkan senarai bahan-bahan merbahaya dalam Rang Undang-undang ini. Contoh-contoh bahan yang merbahaya adalah seperti methanol ataupun alkohol industri, arsenik dan racun serangga, racun rumput rampai dan sebagainya. Saya harap pihak yang pakar dalam bidang racun, bahan-bahan merbahaya itu boleh melengkapkan senarai itu supaya pegawai-pegawai yang menjalankan ataupun menguatkuasakan undang-undang ini dapat tahu dengan jelasnya apa yang dimaksudkan merbahaya, apa yang dimaksudkan tidak merbahaya dalam perkataan ini.

Saya ingin memberikan perhatian kepada isu-isu yang lain yang juga ada berkaitan dengan samsu haram ini. Di dalam media-media massa kita selalu dapat melihat iklan-iklan, seperti iklan rokok, tetapi dia tidak tunjukkan rokok, iklan-iklan bagi minuman dan sebagainya, tetapi dia tidak tunjukkan minuman, tetapi masing-masing ada satu mesej ataupun satu pemberitahu bahawa sejenis minuman itu adalah baik untuk manusia, boleh menyegarkan manusia dan sebagainya.

Kadang-kadang kita dapati bahawa iklan minuman itu ada tersiar dalam suratkhbar ataupun dalam majalah-majalah juga, dan saya rasa tepatlah masanya jikalau Dewan yang mulia ini boleh cuba menghalang terbitan majalah-majalah ataupun suratkhbar yang mengandungi iklan-iklan minum samsu, arak dan sebagainya, sebagai satu cara

penencegahan, penyerapan dan pengetahuan berkenaan dengan arak dan samsu. Saya berpendapat bahawa jikalau suratkhbar dan majalah ataupun media-media massa yang lain boleh siarkan iklan-iklan kempen anti samsu, itu adalah lebih berfaedah. Kita boleh buat kempen anti samsu sebagaimana pihak yang berkenaan sudah menjalankan kempen-kempen anti rokok, kempen anti dadah dan sebagainya untuk menghantar satu kefahaman tentang bahayanya meminum samsu, sama ada samsu halal atau samsu gelap.

Saya berpendapat bahawa ini adalah penting kerana kita mesti menumpukan perhatian untuk menyampaikan mesej yang penting ini terutama sekali kepada generasi muda-mudi. Maka berkaitan dengan ini kita pun mesti menegaskan bahawa tingkah laku minum arak ataupun samsu itu sebenarnya adalah satu masalah masyarakat dari segi sosio-ekonomi. Di dalam keluarga-keluarga di mana ada masalah dari segi ekonomi ataupun kewangan, biasanya kita dapati ada masalah minum arak ataupun samsu gelap juga dan jikalau ini boleh ditegaskan kepada generasi muda, saya rasa mesej ini boleh diterima dengan tangan yang terbuka oleh generasi yang muda. Tentulah generasi muda itu ingin mendapatkan masa hadapan yang cerah dan mereka ingin menerima nasihat-nasihat daripada guru kaunseling dari sekolah-sekolah mereka. Saya rasa masyarakat pula mesti menjalankan tugasnya iaitu kurangkan minuman arak di majlis-majlis makan malam dan sebagainya, walaupun majlis-majlis tersebut disertai oleh orang-orang bukan Islam yang datang dari kebudayaan yang lain seperti kebudayaan China, India dan kebudayaan Barat. Usaha mengurangkan hidangan minuman arak atau samsu itu boleh jadi satu langkah yang positif ke arah menyelesaikan masalah samsu haram. Dalam keadaan ini kita sebenarnya tidak menyokong meminum arak, samsu halal atau-

pun samsu gelap. Oleh itu kita perlulah menyokong Rang Undang-undang yang berkenaan ini untuk menghapuskan samsu gelap dari segi yang berikut, sama ada membuat, memiliki, pengedaran ataupun penjualan samsu gelap itu. Segala perbuatan yang berkaitan dengannya mesti dihukum.

Jadi, dengan pendapat-pendapat yang saya telah katakan, saya ingin menyuarakan sekali lagi sokongan saya yang sepenuhnya bagi Rang Undang-undang Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan) 1988. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Hajjah Salbiah.

5.08 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama memberi sokongan kepada suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Saya juga sebagaimana rakan-rakan, ingin mengambil bahagian berkaitan dengan Akta ini. Pada pendapat saya samsu gelap ini bukanlah satu perkara baharu. Kalau kita lihat Akta ini pun dari tahun 1976. Ini bermakna samsu ini telah bermula dari lama, tetapi mungkin pada zaman itu kita tidak kedengaran yang mati dengan serta merta ataupun mati beramai-ramai dan tidak heboh, maka terbiar begitu sahaja. Di zaman ini masalah yang dihadapi oleh negara kita bermacam-macam rupa. Satu daripadanya samsu gelap, dadah - ini yang dimakan; yang lain-lain lagi berupa cakap-cakap iaitu fitnah-fitnah; ini juga merbahaya kepada kita. Kepada samsu-samsu dan dadah ini saya rasa kita dapat bezakan. Samsu gelap atau samsu haram ini

kalau dibeli oleh penagihnya, itu mengikut nasiblah, pada pandangan saya. Kena pada satu masa yang tidak baik, mereka beramai-ramai membeli dan minum - lebih kurang 24 jam mati, begitu cepat sekali seolah-olah kejutan elektrik. Lagi satu yang merbahaya iaitu dadah. Dadah ini pula memakan masa yang lama kepada yang menggunakan dan mengidapnya. Penagihan dadah ini mengambil masa yang begitu lama, bertahun-tahun, tetapi akibatnya akan merosakkan ekonomi dia sendiri, kalau ada anak yang menghisap dadah, ibu bapanya akan melarat, harta akan habis, begitu juga bangsa-bangsa yang terlibat.

Begitu banyak sekali yang melanda kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang membuat perkara ini berlaku? Pada pendapat saya adalah sebahagian daripada manusia yang tidak bertanggungjawab di dalam negara kita ini yang ingin mencari wang dengan senang, mengadakan samsu gelap, menjadi pengedar dadah, ini semuanya yang hendak cepat kaya, tidak payah buat kerja teruk-teruk. Kalau dia hendak buat perniagaan, dia tentu memikirkan untung ruginya, macam mana hendak memprosesnya, macam mana masuk bidang-bidang perniagaan, hendak belajar tetapi yaog ini tidak payah buat sedemikian tetapi boleh mendapat keuntungan yang banyak. Inilah manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab di dalam negara kita ini. Maka itulah akibatnya banyak yang mati kerana samsu gelap, banyak yang mati kerana dadah. Maka dengan adanya pindaan undang-undang ini hendaklah kita memperketatkan lagi supaya dapat mengatasi masalah ini.

Kerajaan kita telah berusaha berbagai-bagai rupa untuk memberi pengetahuan kepada rakyat. Pada satu masa apabila Perdana Menteri kita yang ada pada hari ini, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad baru sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri, maka telah mengeluarkan beberapa dasar terutama sekali yang saya masih ingat ialah dasar yang pertama iaitu "Bersih, Cekap dan Amanah". Kalau kita amalkan sahaja "Bersih, Cekap dan Amanah" ini, perkara-perkara yang sedemikian tidak akan berlaku tetapi malang sekali tidak begitu baayak yang mengikuti dan tidak mahu mengikuti, maka itulah segala dasar-dasar yang dilancarkan oleh Kerajaan itu kurang mendapat kejayaan sebabnya masih ada orang yang tidak bertanggungjawab yang mahu dapat wang sahaja, nyawa orang lain dia pandang macam semut.

Kita lihat siaran-siaran suratkhobar dan televisyen menyiarkan gambar-gambar kemalangan yang menimpa kepada keluarga-keluarga yang berkaitan, sungguh menyedihkan. Seperti kata rakan-rakan saya tadi, kalau bapa kehilangan anak, kalau isteri kehilangan suami, macam inilah yang berlaku tetapi kalau satu-satu, itu perkara biasa kepada kita, tetapi ini dengan serentak, beberapa orang sekali mati akibat meminum samsu gelap. Jadi, pada hari ini kita pinda undang-undang ini untuk menguatkuasanya, untuk mengatasi masalah ini.

Apa yang ingin saya perkatakan kepada pengedar-pengedar, kepada penjual-penjual samsu gelap atau terang, saya rasa memang tidak ada tempatnya di dalam negara kita kerana kita mahu keamanan, mahu kesenangan, mahu kemewahan, maka kedai-kedai samsu yang terang itu pun patut diperhatikan.

Ada juga pada satu masa soalan-soalan keluar bahawasanya fasal iklan, fasal kita punya minuman-minuman arak ini diperkatakan di luar Dewan ataupun di dalam Dewan tetapi Kerajaan kita atau bagi pihak-pihak yang tertentu menjawab mengatakan untuk mengutip hasil negara. Jadi saya rasa sebuah negara Islam kalau tidak pun ada arak dan hasil-hasil yang tidak baik ini, mungkin kita akan lebih bahagia lagi kerana selalu membuat baik dan mencari rezeki yang halal.

Saya tertarik hati juga kepada rakan saya tadi iaitu mengenai iklan rokok dan iklan-iklan yang lain. Yang ini juga kalau kita cakapkan bahawasanya iklan-iklan ini simbolik, bila rokok tidak tunjuk rokok, tetapi tunjuk dengan pandangan-pandangan yang indah, dengan lagu-lagu yang menarik, terutama anak-anak kecil memang mereka suka lihat iklan-iklan di TV. Ada satu iklan lagi yang memang bagi diri saya dan beberapa orang pun memang tidak puashati, yang ini betul-betul, bukan rokok, bukan barang yang memabukkan,

barang yang boleh dimakan oleh kanak-kanak tetapi benar-benar pembohong iaitu coklat-coklat yang ada permainan-permainan di dalam bungkusan-bungkusan coklat. Kalau ditunjukkan di dalam televisyen itu memang dia terbang, tetapi bila anak-anak pergi beli, balik ke rumah bergerak pun tidak, buatlah macam mana. Ini juga pembohongan. Maka iklan-iklan yang seumpama ini merosakkan bukan anak-anak yang besar-besar yang menghisap rokok, yang minum samsu, tetapi anak yang kecil-kecil yang suka makan coklat-coklat ini. Ini juga patut dihapuskan, Yang Berhormat semua boleh lihat di TV apabila coklat-coklat ini - kadang-kadang kita lihat pun jijik - coklat 'Nini', 'Bobo' dan entah apa-apa namanya yang bukan-bukan. Ini juga tidak patutlah masuk dalam iklan kerana kanak-kanak sendiri pun pada mulanya dia suka tetapi apabila dia telah beli dua tiga kali, dia pun tidak mahu beli kerana penipuan di iklan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sentuh "Bersih, Cekap dan Amanah". Ini bukan kepada agama Islam sahaja, kepada semua bangsa dalam negara kita ini hendaklah memegang teguh kepada prinsip "Bersih, Cekap dan Amanah". "Bersih" ini bukanlah bersih daripada pakaian, rumahtangga, tempat tinggal sahaja yang dituntut tetapi bersih daripada hati. Kalau hati kita bersih, maka kita tidak akan dapat membuat kejahatan sebagaimana mencari keuntungan membunuh orang lain daripada samsu gelap ini, begitu juga dadah. Maka kalau dengan kebersihan hati ini dapat kita terapkan kepada semua bangsa, kepada pemimpin-pemimpin bangsa dalam negara kita ini dengan mendalam, maka perkara-perkara yang tidak diingini itu tidak akan berlaku.

Lagi aatu 'C' iaitu "Cekap", tetapi orang tidak gunakan "Cekap", dia gunakan "Cekau". "Cekau" ini pulon dekat dialah! Banyak orang-orang menggunakan "Cekau" ini termasuklah kepada penjual-penjual samsu, pengedar-pengedar dadah, dia tidak peduli orang lain mati kerana dia tidak memegang prinsip ini, maka cekaulah jadinya yang cekap itu. Dia cekap cekau, dia cekap jual, dapat duit banyak maka orang lain mati dia tidak peduli. Inilah juga tanggungjawab kita untuk memberi penerangan kepada semua kaum di dalam negara kita ini supaya mereka faham benar-benar "Cekap",

Lagi satu, Amanah. Amanah bukan kepada wang ringgit sahaja. Amanah juga bukan diamanahkan meletakkan satu-satu barang kepada rakan atau siapa untuk diamanahkan, bukan begitu. Tetapi amanah ini juga mesti kita tanamkan di dalam hati. Apabila kita telah sematkan di dalam hati dan kita pakai amanah ini, kita akan terus menjadi amanah. Atas apa sahaja, baik percakapan, baik perbuatan bukan sahaja hidup di dunia ini tetapi hingga membawa kita mati. Ini amanah. Sangat baik yang disarankan oleh pemimpin-pemimpin kita itu tetapi masih banyak, bukan sahaja ke peringkat pengedar dadah, penjualan samsu haram tetapi di beberapa peringkat maka dengan tidak bersih, tidak cekap, tidak amanah, tidak memegang segi amanah itu dengan kukuh maka itulah perkara-perkara yang berlaku begitu buruk dalam negara kita pada hari ini. Bukan datang daripada siapa, tetapi adalah datang daripada rakyat itu sendiri kerana tidak memegang bersih, cekap, amanah itu kepada semua bangsa maka negara kita selalu dilanda berbagai-bagai rupa.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang ingin saya sampaikan pada petang ini untuk menyokong Akta ini. Kita lihat berapa banyak telah berlaku kematian, berapa banyak telah terlibat dengan dadah, berapa banyak orang yang telah kaya hasil daripada dadah, berapa banyak perkara-perkara yang berlaku kalau kita tidak bendung perkara-perkara ini bukan sahaja atas nama Akta tetapi bagi pihak kita semua bersama-sama maka perkara ini tidak akan hapus.

Oleh yang demikian, kita bersama-sama menjalankan tugas kita sebagaimana yang dapat kita lakukan dan juga menyokong penuh suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

5.24 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa rakan-rakan saya telahpun mengeluarkan hujah selama dua hari ini mengenai samsu gelap. Ada seorang rakan saya berkata minuman arak mungkin satu kebudayaan India.

Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan ini bukan satu kebudayaan India. Minuman arak itu kita perlulah pergi kepada sejarah yang 100 tahun dahulu. 100 tahun bukan satu tahun, 10 tahun - 100 tahun. Apabila penjajah yang memerintah negara kita pada masa itu Malaya, East India Company dan lain-lain company yang ingin datang ke sini untuk berniaga, ia membeli tanahnya dengan harga murah, ia mahu cari untung banyak mahu hantar ke negara dia, dia mahu cari pekerja, dia pun cari-cari masa itu India pun dia perintah. Dia sudah tahu di negara India sudah ada banyak orang (tenaga), dia pun hantar kapal layar ke sana cari mandor-mandor bawa pekerja-pekerja itu ke sini dengan janji. Masa itu dia panggil kuli. Sekarang perkataan Bahasa Malaysia "pekerja". 100 tahun telah berlalu. Masa itu "kuli".

Kuli-kuli dibawa ke negara ini, dia bawa ke sini untuk membersihkan hutan. Dia bawa ke sini untuk membuka jalan-jalan untuk keretapi

Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu apa rekreasi ada, disko adakah, snooker adakah, video adakah? Apapun tidak ada. Theatre pun tidak ada. Dia apa rekreasi ada. Lepas kerja dia pandang isteri, isteri pandang suami [Ketawa]. Dia pun tidak tahu apa hendak buat lepas kerja itu. Orang British pun takut, penjajah kita dia pandai, dengan izin, "divide and rule", kalau pekerja-pekerja ini tidak ada apa hendak buat, mungkin nanti dia ingin hendak tubuh trade unionkah, kesatuankah ataupun hendak tuntutan gaji lebihkah ataupun dia cari apa-apa kesalahan majikankah, macam mana kita boleh mengkhayalkan dia. Wah! dia cari di sini ada kelapa banyak, dia cari satu minuman yang istimewa, minuman itu dengan warna putih, namanya todi.

Dia buka kedai-kedai todi di semua estet, selepas kerja dia tidak mahu pandang isteri, dia pandang kedai todi. Macam itulah sejarah mula, ini adalah satu "habit", dengan izin, bukan satu kebudayaan. Seperti kita maklum dia mengkhayalkan bagi melupakan derita hidup. Untuk memenuhi tuntutan perasaan yang begitu mendesak itu, mereka yang ketagih kepada todi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata dahulu, ini adalah satu masalah sosial, masa itu tidak ada apa-apa rekreasi, masalah sosial. Dia datang dari jauh, masa itu negara kita belum merdeka. Dia masih ingat pada saudara mara di negara India. Dan masa itu dia pun tidak berapa pandang kepada negara ini kerana saudara mara di

situ, dia datang ke sini kerana orang-orang mandor pergi ke sini, dia kata:apa kerja ada di Malaysia? Dia kata kerja di sini senang. Di sini ada gula, semut pun datang. Kita hendak halau dia, itu sahaja. Senang punya kerja. Dia datang tengok keadaan di sini berpuluh-puluh ribu orang mati kerana penyakit malaria, dan beberapa penyakit.

Ini adalah satu sejarah, di dalam negara kita yang kita tidak boleh menafikan. Saya bukan hendak katakan apa-apa di sini, saya katakan apa sebab mereka jadi mangsa kepada minuman arak. Mereka menghadapi beberapa masalah, masa itu tidak ada rancangan keluarga, masa itu tidak ada rekreasi, anak-anak pun banyak, dia menghadapi beberapa kesulitan, gaji pun kurang maka itulah dia jadi mangsa kepada "habit" ini.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu kebudayaan India. Apabila perayaan atau perkahwinan India, kawan-kawan sini, Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun sedia maklum, bahawa makanan yang disediakan ialah makanan 'vegetable' ataupun makanan sayur-sayuran. Maka habit ini yang diapi-apikan oleh penjayah dan sudah jadi satu isu seratus tahun yang lalu. Orang-orang yang datang itu telah meninggal dunia. Anak-anak mereka telahpun menjadi tngsa kepada habit ini. Kita sedia maklum masalah ini tetapi kita kena cari puncanya, kita kena hapuskan puncanya, bukan kita hendak hapuskan kesannya. Kalau kita cari punca, baru sahajalah kita boleh menang peperangan samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebab sebelum tahun 1976 tidak ada kematian. Itu kita kena kaji. Masa itu kita tidak dengar kematian akibat meminum samsu gelap, masa itu tidak ada. Selepas tahun 70an barulah kita dengar beberapa aktiviti samsu gelap ini. Ini adalah kerana pembuat sekarang hendak jadi cepat kaya, sebab itulah dia cari jalan. Macam dadah juga. Dadah bukan kebudayaan kita, penagihan dadah bukan kebudayaan kita. Kita tiru dari orang-orang Barat. Ini pun kita boleh pandang orang-orang yang membuat samsu gelap itu cepat hendak jadi kaya. Apa dia buat senang sahaja, dia punya barang-barang itu ada dihutang, di mana dia bukan kena beli barang-barang mentah daripada luar negeri atau daripada Eropah. Dia gunakan barang-barang tempatan seperti katak yang mati dan ular yang mati .

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun dahulu selepas kematian di Lunas, Kulim, Kedah, TV Malaysia pun tunjuk macam mana samsu gelap ini dibuat. Sesiapa pun boleh tahu bahawa ini adalah satu benda yang sangat bahaya. Kalau minuin samsu gelap itu, orang boleh mati

dalam 24 jam. Minum racun pun 48 jam tetapi ini tidak sampai 24 jam. Mereka cari untung banyak, pembuat-pembuat itu bukan pembuat-pembuat samsu gelap tetapi pembunuh. Mereka patut didenda lebih, bukan sebat dan hukum. Kalau boleh saya syorkan mereka itu mesti digantung. Ini adalah satu penyakit.

Sebagai warganegara Malaysia, bukan satu isu kepada kaum India sahaja. Ini untuk semua orang mahupun rakan saya dari keturunan India, keturunan Melayu, keturunan Kadazan, keturunan Iban, sesiapa pun, ini masalah sosial, ini bukan semata-mata untuk kaum India sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1978 di Pendang, Kedah, 8 orang mati kerana minum samsu gelap, pada tahun 1977 di Seremban 18 orang mati kerana minum samsu gelap, pada tahun 1979 di Selangor dan Bukit Mertajam 21 orang mati, pada tahun 1981 di Lunas, Kedah, 32 orang mati. Berapakah kematian kita pun belum tahu. Apa yang dilaporkan kepada Polis, apa yang dilaporkan di hospital-hospital, baru kita terima laporan itu. Tetapi kita tidak tahu di dalam kawasan-kawasan pendalaman seperti di Keratong, seperti di Selancar, kita tidak tahu beberapa orang telah mati kerana samsu gelap. Apabila satu kejadian teruk berlaku di Selancar, Pahang, saya telah membuat lawatan dengan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, di situ seorang kontraktor membawa beberapa keluarga, mereka tinggal bukan sebagai manusia sana. Mereka tinggal sebagai animals, binatang. Kerana mereka menghayal dengan samsu gelap, mereka sendiri tidak tahu apa mereka buat di situ.

Di dalam keadaan ini, Kerajaan tidak boleh menunggu untuk mengambil tindakan terhadap pembuat-pembuat samsu gelap ini. Oleh sebab itu, saya ucapkan syabas kepada Kerajaan khasnya kepada Yang Berhormat Dato' S. Samu Vellu yang telahpun membentangkan Rang

Undang-undang ini di Dewan Rakyat dan Timbalan kekasihnya telah membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Petua, ini adalah satu keluaran dua hari dahulu. Kita bawa Undang-undang mengenai samsu gelap. Kalau boleh tanya Polis, tidak ada banyak kes samsu gelap, tetapi sekarang beberapa cap sudah dikeluarkan di dalam botol-botol dan plastik-plastik, ini memang kita kena awasi, Tuan Yang di-Pertua. Apabila satu kematian berlaku baru-baru ini, beberapa minggu lalu satu kematian berlaku di Parit Buntar di mana tiga orang telah meninggal dunia akibat bukan samsu gelap. Ia minum samsu plasttk, samsu di botol yang diawasi oleh pihak Kastam.

Apabila Polis merampas benda itu dan bawa ke Jabatan Kimia, pihak pembuat itu tinjau, beliau kata samsu itu bukan samsu saya, dia cari botol macam itu, dia sudah taruh samsu gelap. Itu fasal dia mati, bukan saya punya salah. Perkara macam ini pun boleh berlaku. Kita mesti tahu apabila kita bawa sesuatu undang-undang, setiap pembuat samsu itu mesti cari loophole.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena berawas-awas tentang samsu yang halal yang dijual di dalam botol. Tuan Yang di-Pertua, saya amat berasa malu apabila lebel-lebel itu dinamakan, maaf, Tuan Yang di-Pertua, ada satu lebel yang dinamakan iaitu samsu dalam plastik dan botol dijual 80 sen, nama lebel itu "Tanggachi-amma" maksud Tanggachi ialah "adik" dalam bahasa Tamil. Macam mana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh meluluskan nama itu? Sangat memalukan, satu benda itu dijual, lebelnya "Tanggachi-amma". Ini amat memalukan kita. Dan ada satu cap 3 ular, beberapa cap ada, dia ada tali merah, macam-macam merah ada, semua ada di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara ini juga beberapa rakan saya telah mengeluarkan beberapa hujah mengenai samsu plastik dan kita kena berawas kerana beberapa minggu lalu tiga orang mati di Parit Buntar. Saya ucapkan syabas kepada Berita Harian bertarikh 14hb Mei yang melaporkan perkara ini. Kalau kita tidak awas, Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada bulan Disember nanti kita kena bawa lagi satu undang-undang untuk bukan "menghapuskan" tetapi untuk "mempertahankan" samsu plastik. Berapa kali kita mahu bawa undang-undang, sepatutnya sekali gus bawa pindaan undang-undang untuk semua, samsu gelap dan samsu dalam plastik.

Pihak Consumers Association of Penang pun telah mengeluarkan satu kenyataan berjaga-jaga kita bawa undang-undang samsu gelap tetapi samsu halal akan dijual di dalam market dengan senang. Saya hairan pihak Kastam ada keluarkan satu kenyataan iaitu "Ini golongan miskin, kasihan. Kalau dia minum samsu gelap dia mati. Itu sebab kita halalkan samsu dalam plastik." Racun itu mana satu yang baik, Tuan Yang di-Pertua? Saya mahu bertanya di dalam Dewan yang mulia ini, racun mana satu yang baik, racun samsu gelap atau racun di dalam plastik? Kerajaan kena berawas dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap samsu yang dijual di dalam plastik.

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap panjang lebar di sini, kita katakan kita perlu berjaga-jaga. Saya bukanlah mahu mengkritik Jabatan Kastam. Saya hanya ingin menyeru kalau boleh Jabatan Kastam memperhebatkan penguatkuasaan mereka. Di dalam suatu Taman Telok Merbau, Sungai Pelik, Sepang, Selangor ada 196 buah rumah, ada 5 kedai, dua kedai telah diberi lesen untuk jual samsu. Sepatutnya apabila kita mengeluarkan lesen mestilah jaga, kita sendiri keluarkan lesen tetapi di situ samsu plastik, semua samsu ada dijual di sana. Ini sudah jadi habit dan mengkhayalkan diri sendiri, dia mestilah beli samsu dengan harga murah. Macam mana dua lesen boleh dikeluarkan, saya sendiri tidak tahu kerana di dalam satu kawasan perumahan semuanya ada 196 buah rumah sahaja. Kalau boleh pihak Kastam supaya membuat penyiasatan mengenai perkara ini.

Sekarang ini disyaratkan bahawa di sebelah kedai runcit tidak boleh jual samsu halal atau samsu haram, tetapi kedai-kedai runcit dengan terang-terangan menjual samsu halal. Apakah tindakan akan dibuat? Kalau pihak penguatkuasa tidak ambil tindakan keras, tidak

membuat kerja penguatkusaan dengan licin, maka samsu dalam plastik berterusan dijual di kedai-kedai runcit di situ iaitu, contohnya Jenderata Estate di Perak. Di mana-mana estet mereka perlu mengambil tindakan melalui Jabatan Buruh, Jabatan Polis dan Jabatan Kastam. Jangan beri tahu lawatan mereka, melawat dengan mengejut, mereka boleh dapat beberapa banyak plastik-plastik samsu halal yang dijual di kedai-kedai runcit, sungguhpun syarat itu mengatakan tidak boleh jual samsu halal di kedai-kedai runcit. Pihak Polis, pihak Kastam dan Jabatan Buruh, saya merayu kepada mereka kerana Jabatan Buruhlah yang mengeluarkan lesen melalui pengurus-pengurus ladang.

Saya harap jangan kita menghapuskan tenaga kerja ini. Seperti yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin kita bahawa negara kita kaya dengan getah, kelapa sawit, timah dan lain-lain. Kita perlu tenaga untuk mengeluarkan getah, kelapa sawit dan sebagainya kerana kita berkehendakkan foreign exchange, dengan izin. Kalau mereka tidak menorek getah, macam mana boleh jadi barang mentah, macam mana boleh hantar ke Eropah. Kalau tidak potong kelapa sawit, hantar ke kilang, selepas hantar ke kilang it akan menjadi minyak mentah, baru kita boleh eksport ke luar negeri. Untuk membuat kerja-kerja itu kita perlukan tenaga manusia yang sihat, otak yang sihat, barulah kita boleh keluarkan barang-barang mentah untuk eksport ke luar negeri.

Pada hari ini, Business Times mengatakan, dengan izin, saya bacakan di dalam bahasa Inggeris:

Average 1987 earnings up 31%. Plantations lead search. Plantation companies enjoyed the highest average growth rate in earnings last year among the companies listed in the Kuala Lumpur Stock Exchange. They registered an increase of 31.43% in gross earnings for 1987 while earnings of industrial companies improved an average of 24.49% only.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial yang merebak di dalam ladang-ladang itu sekiranya Kerajaan tidak berawas, sekiranya Kerajaan kita tidak ambil perhatian sungguh-sungguh terhadap samsu plastik itu, mungkin plantations lead search kita tidak boleh nampak. Saya sendiri telah tinjau dan berjumpa dengan pengurus-pengurus ladang di dalam lawatan-lawatan saya. Apabila saya tinjau dan bertanya kepada pengurus-pengurus ladang macam mana kedatangan pekerja-pekerja untuk bekerja. Mereka kata kedatangan itu masih tidak berapa memuaskan hati kerana masalah samsu plastik senang boleh didapati di kedai-kedai runcit, terutama apabila pembayaran gaji bulanan, masa itulah banyak orang yang tidak dapat datang bekerja.

Saya ragu, mungkin negara kita akan menjadi satu industrially developed country, dengan izin, masa itu kita mungkin perlu mencari pekerja-pekerja dari luar, macam seratus tahun dahulu, kita perlu tenaga-tenaga mahir. Tenaga-tenaga mahir ini sekiranya mereka ini tidak dibimbing, tidak diberi pimpinan yang perlu, pemuda-pemuda akan menjadi mangsa kepada samsu-samsu yang dijual di kedai-kedai dengan senangnya. Ini saya sungguh-sungguh ragu, satu hari nanti sekiranya kita tidak ada belia-belia untuk menoreh getah, kita hendak cari expert dari mana menoreh getah. Kita tidak boleh cara dari Amerika Syarikat, sebab di sana tukang sapu pun pakai kot, mereka sendiri pun kurang pekerja-pekerja biasa. Oleh sebab itu pekerja-pekerja kita, kita perlu dirikan satu golongan yang sihat, baharu pengeluaran negara akan bertambah dan bahawa kita boleh mendapat keuntungan banyak daripada barang-barang komoditi yang kita eksport ke luar negeri.

Peperangan sosial terhadap gejala yang membuat rakyat leka dan membahayakan masyarakat ini sentiasa diletakkan sebagai agenda utama dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia yang berbilang kaum. Apa yang berlaku kepada kaum India ini kita tidak boleh mengenyepikan kerana kita duduk dalam satu negara yang berbilang kaum. Kawan saya seorang Yang Berhormat memberitahu, ada orang yang minum samsu dengan banyak, dia boleh menari dengan tidak diiringi musik. Memang itu satu kejadian yang akan memburukkan negara ini. Apabila orang-orang datang dari luar untuk melancong ke sini, mereka anggap negara ini sebagai negara contoh, maka mereka datang bukan hendak melihat ibukota Kuala Lumpur sahaja, mereka juga ingin pergi ke ladang-

ladang melihat bagaimana saudara-saudara kita duduk di dalam estet-estet, bagaimana kedudukan mereka. Kalau mereka mendapat gambaran buruk, ini adalah satu masalah Kerajaan juga. Masalah kebajikan ini perlu ditanggung oleh Kerajaan dan ia akan memakan belanja yang banyak.

Kalau kita tubuhkan banyak rehabilitation centres, dengan izin, ini tidak akan menyelesaikan masalah. Kita kena cari punca mana masalah ini timbul. Di dalam rumah kalau ada mosquito, kita cuma hendak hapuskan mosquito itu tetapi di tepi rumah kita ada parit, airnya tidak mengalir, mosquito itu tinggal di situ. Kalau kita tidak buat apa-apa memang hari-hari nyamuk masuk ke rumah dan mengigit kita. Kita mesti cari dari mana puncanya. Kita sudah ada banyak pakar, kita bincang bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Hari ini kita bawa satu undang-undang untuk samsu gelap, sekarang kes samsu gelap sudah banyak kurang, tetapi kes samsu plastik sudah banyak. Samsu plastik itu senang didapati. Kalau perlu, saya boleh bawa besok, tunjuk dalam Dewan ini beberapa cap ada, beberapa label yang menghinakan satu bangsa. Bukan sahaja dia minum, dia mati cepat dan dia panggil dengan nama-nama yang menghinakan. Kita dengar pun tak syok - tiga ular dan lain-lain lagi. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian perlu sungguh-sungguh mengkaji perkara ini.

Kementerian Kesihatan, Kementerian Buruh hendaklah duduk bersama-sama membincang hal ini, kalau boleh pergi ke kedai-kedai dan rampas benda-benda itu, hantar ke Jabatan Kimia. Kita boleh tahu bagaimana dia membuat benda itu, senang. Ada kes-kesnya luar lain, buat lain, tetapi benda di dalam lain. Kita lihat kalau satu kotak

rokok ada 20 batang, kita sudah tahu. Tetapi di dalam plastik itu kita tidak tahu berapa beratnya, apa benda ada di dalamnya kita tidak tahu. Dalam suratkhbar ini ada disebutkan semua, berpuluh-puluh. Oleh sebab itu saya sungguh-sungguh merayu.

Negara China baru bangun selepas "Opium War", orang luar datang menentang dia, dia tiada tenaga untuk melawan balik, jatuh satu negara. Dadah apa sebab kita gantung. Kawan saya datang dari luar negeri, dia baca, "di negara Malaysia kalau didapati membawa dadah, dendanya mati mandatori", lagipun dia bawa juga, tetapi sudah kurang. Apa sebab di dalam dunia ini Malaysia membawa undang-undang itu? Kerana satu hari nanti musuh-musuh kita sekiranya menyerang kita, kita akan hilang anak-anak muda kita, kita akan hilang tenaga-tenaga kita. Mungkin satu hari nanti rahsia-rahsia Kerajaan kita, rahsia-rahsia tentera kita akan dijual oleh penagih-penagih dadah. Sebab itulah Kerajaan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya. Sekiranya kita tidak menjaga samsu ini, mungkin satu hari nanti tidak ada penoreh-penoreh getah, mungkin satu hari nanti tiada orang hendak memotong kelapa sawit, mungkin terpaksa kita bawa orang-orang dari luar. Bila bawa orang dari luar, beberapa masalah sosial kita kena hadapi. Oleh sebab itu saya dengan sesungguhnya merayu kepada pihak-pihak kita duduk bersama-sama fikirkan macam mana kita boleh dapat mengurangkan. Apabila kita kurangkan, perkara ini tidak akan timbul.

Yang Berhormat Puan Ainon menyatakan kita kena cari satu cara yang lain, minuman ganti. Doktor kata makan nasi perut naik dan dia nasihatkan makan roti jagung. Kita pun kena cari jalan di mana kita tidak boleh hapuskan satu habit 100 tahun itu sekali gus. Kalau saya beri tahu di sini sekali gus kita boleh habiskan itu memang tidak boleh. Kita kena ambil masa untuk cari minuman lain.

Sekarang ada Guinness Stout. Dia memperkenalkan satu lagi minuman bernama Malta. Mungkin kawan-kawan lain bertanya apa sebab golongan-golongan peniaga, ahli-ahli politik, golongan-golongan kaya boleh minum Martel, Hennessy dan whisky. Apa sebab golongan ini tidak boleh minum? Memang benar minuman jenis itu dibuat dengan kawalan rapi. Kalau dia minum samsu halal dalam plastik dia mati 10 tahun kemudian, yang ini dia mati 20 tahun nanti. Memang slow process. Kalau boleh Kerajaan janganlah kenakan cukai yang banyak kepada arak-arak yang dibuat dengan rapi. Ini adalah satu cadangan sahaja. Kalau boleh pihak atasan itu cari satu jalan macam mana kita boleh kurangkan benda-benda ini. Kalau ini boleh menyebabkan kematian diakibatkan samsu gelap yang dibuat daripada benda-benda kotor tetapi benda-benda yang dijual di dalam plastik pun orang boleh mati serta-merta sebab perabuat itu cari jalan yang senang.

Oleh sebab itu, saya sungguh-sungguh merayu kepada Kerajaan supaya ambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk mempertahankan satu kaum yang suatu hari nanti akan menjadi mangsa kepada samsu halal dan samsu haram. Kalau boleh Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri sila melawat ke ladang-ladang, tengoklah macam mana keadaan pada hari mereka menerima gaji, baru kita boleh menggubal undang-undang.

Yang Berhormat Dato' Samy Vellu sendiri sedia maklum oleh sebab itu-lah dia bawa undang-undang ini. Tetapi saya dan beberapa rakan saya yang datang daripada kawasan pendalaman, kita menghadapi masalah di mana samsu haram itu ataupun samsu dalam plastik itu boleh membawa beberapa kesan-kesan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta maaf, saya fikir samsu dalam plastik ini sudah cakap banyak kali. Ucapan Yang Berhormat berulang-ulang sahaja.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedia maklum. Itulah sebabnya saya katakan kita kena cari punca-puncanya. Sebab itu saya berulang-ulang kali, beribu-ribu kali, beratus-ratus kali (Ketawa) ...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh begitu banyak kalilah (Ketawa)

Tuan C. Krishnan: Sekarang saya berhenti bercakap samsu yang di dalam plastik sebab sudah dapat perhatian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasihlah [Ketawal dan Menteri Kesihatan angguk-angguk, saya puas hati. Saya ingin menarik perhatian sahaja. Satu hari nanti ini akan menjadi satu undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang baru hendak bercakap mengenai samsu haram ini [Ketawa]

Samsu haram ini membawa beberapa akibat. Kawan-kawan saya telahpun cerita macam mana keluarganya hilang, bapa sudah hilang, macam mana mata pencarian tidak ada, macam mana pelajaran kanak-kanak terganggu. Dia akan menjadi beban kepada Kerajaan, minta sedekah dan akhir-akhir nanti kita harap dia jadi satu harapan bangsa dan negara, sebaliknya dia menjadi beban kepada Kerajaan.

Beberapa kesan-kesan buruk akibat samsu haram ini tidak perlulah saya huraikan kerana beberapa rakan-rakan saya telahpun bercakap mengenai perkara itu ataupun telah berucap mengenai perkara itu. Pada masa akan datang, pembuat, pengedar dan pemilik samsu gelap akan dikenakan hukuman yang lebih berat. Hukuman yang dikenakan apabila berkuatkuasa Akta Membaharui Undang-undang [Penghapusan Samsu Gelap] 1976 yang akan dipinda sedikit masa lagi, hukuman penjara mandatori ditambah di antara 4 ke 10 tahun. Sementara hukuman denda pula diganti dengan hukuman sebat mandatori iaitu tidak kurang daripada dua kali sebat. Jika samsu haram itu mengandungi bahan yang beracun, hukuman yang akan dikenakan akan menjadi lebih berat iaitu hukuman penjara di antara 7 ke 20 tahun serta akan disebat tidak kurang daripada enam kali.

Dengan terlaksananya pindaan Akta itu nanti, terpenuhlah hasrat bertahun-tahun rakyat Malaysia yang ingin melibat mereka yang terabit di dalam perniagaan samsu gelap dikenakan hukuman lebih berat sesuai dengan kesan akibat kegiatan mereka.

Sejak berpuluh-puluh tahun lalu perniagaan samsu gelap semakin menjadi-jadi dan menyebabkan begitu ramai orang yang mati atau menderita. Samsu gelap boleh dibuat dan diproses di mana sahaja asal sahaja ada niat jahat untuk mencari wang dengan jalan yang amat mudah. Bahan utama samsu ini juga tidak terbatas. Berbagai campuran digunakan termasuk bahan-bahan berbahaya seperti methylated spirit, monosodium glutamate dan sebagainya. Oleh kerana tidak ada siapa yang dapat menentukan adakah bahan-bahan yang dicampurkan itu selamat diminum atau tidak, kerana ia sesuatu yang dianggap gelap maka akibat daripada meminum samsu ini adalah amat berat.

Ramai pengguna telah mati dan ramai yang lain terpaksa dirawat di hospital kerana menderita pelbagai penyakit. Yang paling menyedihkan mereka yang selalu menjadi mangsa pula hampir keseluruhannya golongan berpendapatan rendah yang bekerja di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, baru beberapa minggu lalu sahaja 3 orang buruh ladang berhampiran Parit Buntar mati kerana minum samsu gelap ini, sementara 8 lain dimasukkan ke hospital. Kejadian-kejadian lain sebelum ini semuanya menunjukkan kesan yang dahsyat. Bulan Januari, 1978, 8 orang mati di Pendang, setahun sebelum itu 18 orang mati dekat Seremban kerana meminum samsu haram ini dan tiga tahun sebelum itu berdekatan dengan tempat yang sama 8 orang menjadi korban. Satu lagi peristiwa yang membabitkan samsu gelap ini berlaku dalam tahun 1981 di mana tidak kurang daripada 11 orang mati di sebuah ladang berhampiran Bandar Kulim.

Jelas sekali ramai pengguna yang kurang sedar akan bahaya meminum samsu itu menjadi korban dan jumlah ini akan terus bertambah jika sekiranya tidak ada undang-undang yang keras untuk menghukum mereka yang terbabit dalam membuat dan memperniagakan minuman racun ini. Sebagai pengguna yang kurang faham dengan campuran untuk membuat samsu ini lebih-lebih lagi golongan miskin yang kurang berpelajaran, mereka amat mudah tertipu dengan harga murah samsu yang ditawarkan oleh pembuat-pembuat samsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang penting ialah mereka mesti dapat bahan minuman yang mengkhayalkan bagi melupakan derita hidup. Untuk memenuhi tuntutan perasaan yang begitu mendesak itu, mereka yang ketagih kepada samsu ini akan melakukan apa sahaja untuk

menjamin bahawa mereka akan mendapat bekalan. Inilah puncanya mereka berhutaag serta bergadai dan dalam masa yang sama melindungi pihak yang terbabit membuat samsu haram itu dengan merahsiakan daripada pengetahuan umum dari manakah mereka membeli bahan itu. Inilah yang menyebabkan perniagaan membuat samsu haram semakin berleluasa kerana bagi si pembuat, mereka sedar perniagaan ini amat menguntungkan. Bagaimanapun, dalam Akta Pindaan itu nanti semua pihak yang terbabit dengan samsu haram ini akan dianggap bersalah sama ada mereka pembuat, pengedar, pemilik atau dengan lain perkataan, penyimpanan samsu gelap ini akan menerima hukuman yang setimpal. Siapa pun tidak boleh mengelakkan diri daripada hukumannya nanti jika sabit kesalahan masing-masing. Hanya inilah satu cara yang dianggap dapat menghapuskan kegiatan membuat samsu gelap itu dan juga merupakan satu jaminan bahawa mereka yang ketagih dengan minuman itu tidak akan terus tertipu dan teraniaya dengan cara yang begitu buruk semata-mata kerana mereka golongan yang dianggap kurang pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, saya ingin mengesyorkan supaya untuk mendidik, untuk membimbing, pihak-pihak yang duduk dalam kawasan-kawasan pendalaman, TV Malaysia, Radio Malaysia kita dan media-media massa mestilah memainkan peranan yang penting. Mereka mestilah mengeluarkan drama-drama mengenai apakah keburukan, apakah kesannya satu-satu keluarga akan menghadapi apabila mereka menjadi penagih kepada samsu haram. Media-media massa bukan sahaja Radio dan TV tetapi juga kawan-kawan daripada akhbar mestilah mengeluarkan cerita-cerita, pandangan-pandangan macam mana kita bersama-sama dengan seruan Kerajaan dapat mengurangkan

penagih-penagih dan akhirnya kita boleh menghapuskan penagih-penagih kerana dosa yang mereka buat itu akan menjejaskan bukan sahaja diri mereka sendiri dan keluarganya tetapi juga akhirnya akan menjejaskan kestabilan negaranya. Oleh sebab itu, saya memuji Kerajaan kerana membentangkan satu Rang Undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini pada hari semalam untuk meminda Akta yang sudah ada pada tahun 1976.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira saya telah menimbulkan beberapa isu kepada bapa-bapa Menteri kita. Besarlah harapan saya sekiranya kita dapat tahu apakah puncanya yang benda-benda ini berlaku, satu hari nanti kita tidak boleh disalahkan oleh anak-anak kita nanti yang bertanya, "Macam mana ini, bapa-bapa kami sudah tahu apa puncanya tetapi mereka itu berdiam-diam sahaja." Itu saya tidak mahu, saya tidak mahu keadaan di mana anak-anak saya menyalahkan saya.

Oleh sebab itu, saya dengan sukacitanya menyokong penuh satu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

6.18 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta iaitu meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Dato Tan Peng Khoo kerana telah dipilih dan dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua bagi Dewan yang mulia ini.

[Tepuk] Sebenarnya penggal persidangan kali ini adalah penggal yang bersejarah, penggal yang mana kita telahpun melantik Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua. Dengan adanya perlantikan Yang di-Pertua dan Timbalan yang baru ini maka prestasi Dewan Negara ini akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan ucapan saya, saya suka menimbulkan satu perkara yang ada berkaitan dengan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan yang mulia ini. Saya sebut perkara ini kerana apabila saya membaca suratkhbar pada petang semalam saya telah dapati bahawa ada sebuah akhbar dalam tulisan Cina telah menyoalkan berkenaan dengan Cukup-bilang dalam persidangan Dewan Negara. Saya sebut perkara ini kerana ini adalah perkara yang penting, sebab saya khuatir dengan laporan dalam suratkhbar ini akan mengelirukan masyarakat umum, ada kemungkinan mereka akan salah anggap, bahawa persidangan yang telah dijalankan selama 4 hari ini tidak sah. Saya tidak menyalahkan wartawan yang melaporkan kenyataan yang tersebut. Apa yang seharusnya dibuat oleh Dewan yang mulia ini iaitu Bahagian Setiausaha sepatutnya mengedarkan peraturan persidangan ataupun Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara kepada tiap-tiap seorang wartawan. Kalau menurut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara bahawa mukasurat 12, iaitu berkenaan dengan Cukup-bilang:

"Cukup-bilang bagi Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa sesebuah Majlis Mesyuarat hendaklah mengandungi 10 orang Ahli dengan tidak termasuk Pengerusi".

Dengan penjelasan ini saya harap suratkhbar yang berkenaan akan membuat satu kenyataan penjelasan kepada masyarakat umum bahawa selama 4 hari ini mesyuarat adalah sah [Tepuk].

Saya merasa bangga kerana sejak saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara tidak pernah Dewan dibunyikan locing untuk memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengisi bilangan dalam Dewan ini [Tepuk] . Ini telah membuktikan bahawa Ahli-ahli daripada Dewan Negara lebih bertanggungjawab dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat [Tepuk].

Tuan Yaag di-Pertua, dengan sebutan saya tadi, saya berharap Bahagian Setiausaha Dewan Negara akan mengedarkan peraturan persidangan ini kepada tiap-tiap seorang wartawan supaya mereka tidak meragu-ragukan lagi, menimbulkan kenyataan yang mengelirukan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya menyokong pindaan Akta ini sebenarnya samsu gelap ini adalah satu masalah masyarakat umum. Ia bukan satu masalah yang dihadapi oleh masyarakat kaum India. Sebenarnya yang meminum samsu gelap bukan sahaja orang India, kaum lain pun ada terlibat dengan minuman samsu gelap. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada peminum, ada pedagang, kalau tidak ada peminum, tidak ada pedagang, ada orang yang menjual mesti ada yang meminum, kalau tidak ada orang yang meminum tidak ada orang yang menjual.

Oleh yang demikian, kalau Kerajaan mengadakan pindaan Akta dari segi perundangan ia tidak mencukupi. Sebenarnya kita harus mengadakan pendidikan kemasyarakatan iaitu akan lebih berkesan untuk menghapuskan samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua maklum, bahawa kebanyakan peminum-peminum yang meminum samsu gelap adalah datang daripada golongan yang berpendapatan rendah. Dan kalau yang datang daripada golongan yang berpendapatan rendah hendak mereka membeli satu pack Brandy iaitu dengan harga dijual di kedai lebih kurang \$2.20 dan dengan minuman cuma satu pack tidak cukup "ummph".... tidak cukup "kick" maka terpaksa minum lebih daripada satu pack sehingga 2 atau 3 pack, dia akan kena belanja lebih kurang \$6.00 - \$7.00. Tetapi adapun samsu gelap mungkin cuma 80 sen maka sudah cukup "kick" ataupun sudah cukup "ummph"...!

Jadi kalau kita hendak menghapuskan samsu gelap, memang Kerajaan berusaha untuk menghapuskan samsu gelap dengan mengadakan pindaan Akta ini. Saya berpendapat mustahil walaupun kita ketatkan undang-undang kita untuk hendak menghapuskan samsu gelap, Saya berpendapat seharusnya Kerajaan mengurangkan cukai yang dikenakan kepada samsu-samsu yang ada kerana ada setengah-setengah pihak kerana kelegaan ataupun orang yang ketagih minuman keras mereka terpaksa minum. Ada setengah-setengah pihak apabila mereka tidak minum kemungkinan mereka gigil bibir, tangan dan badan. Jadi walaupun ini adalah golongan yang kecil tetapi kalau Kerajaan berusaha untuk menghapuskan habis-habisan samsu gelap kemungkinan terpaksa fikir dengan satu cara untuk gantian. Kerana kalau adanya minuman keras dengan cukai yang begitu berat dan yang begitu mahal untuk menjual kepada pengguna-pengguna, peminum-peminum kemungkinan mereka tidak sanggup membeli.

Saya dapati ada setengah-setengah negeri membenarkan minuman todi. Adalah setengah-setengah negeri mengadakan kedai todi secara

sah di mana kedai todi itu dikepung dan di bawah jagaan pihak Kastam. Sesiapa yang hendak minum todi boleh mendapati dan meminum di dalam kawasan yang diwartakan dan Kerajaan pun mendapat cukai. Jadi kalau kemungkinan boleh dapat timbang mengadakan kedai todi yang sah dan dibenarkan meminum todi, maka kemungkinan todi akan dijadikan sebagai satu minuman yang boleh mengganti samsu haram ataupun samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut demikian kerana saya memandangkan dari segi perundangan tidak mencukupi untuk menghapuskan samsu gelap. Dalam pindaan Akta pada petang ini iaitu di bawah mukasurat yang kedua, di bawah penggantian Seksyen 5 yang mana rakan seperjuangan saya telah sebut tadi. Di mana Seksyen yang kelima ini Perkara yang ketiga berkenaan dengan jika samsu gelap yang menjadi satu hal kepada satu kesalahan di bawah Seksyen ini mengandungi apa-apa bahan bahaya. Jadi hukumannya lebih berat. Tetapi apa yang disebutkan disini bahan yang disebut tadi itu tidak-cukup jelas, maka apa yang kami khuatir apabila Rang Undang-undang ini dapat dipinda kemungkinan pegawai penguatkuasaan akan saalahgunakan kuasa ataupun menggunakan kuasa sewenang-wenangnya untuk menguatkuasakan undang-undaag ini. Adalah pihak Kementerian yang berkenaan yang membawakan Rang Undang-undang ini membuat suatu penjelasan yang lebih jelas lagi apa maksudnya dalam Seksyen 5 Perkara yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut demikian kerana kalau mengikut tradisi orang-orang kaum Tionghua, setengah-setengah kaum ibu apabila telah bersalin anak, dalam masa pantang 44 hari, kami memproses arak mengikut formula tradisi dan sama ada memproses, membuat arak mengikut formula tradisi ini telah melanggar undang-undang yang akan dipinda ini? Ini perlu dibuat penjelasan juga oleh pihak Kementerian yang berkenaan dan dengan itu sahaja

Tuan Yang di Pertua, suka sekali lagi saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini, Akta (Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan) 1976, Sekian, terima kasih.

6.28 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Saya akan bercakap ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sedang saya sokong Rang Undang-undang ini saya rasa kesal kerana Rang Undang-undang ini hanya sekarang baru dikemukakan. Sepatutnya negara kita telahpun ada undang-undang yang keras seperti ini. Sebelumnya banyak akibat daripada minuman samsu haram seperti mati dan kerosakan moral. Dengan ini saya sarankan kepada Kerajaan supaya cepat-cepat kesan sesuatu kegiatan haram supaya ia tidak terlanjur sebelum tindakan diambil. Lebih baik anak-anak menangis kata orang tua-tua sebelum kita menangis.

Tetapi ini sudahpun berlaku seperti akibat samsu haram, dadah, perjudian dan tempat-tempat hiburan. Suatu perkara yang malangnya pada akhir-akhir ini Kerajaan telah meluluskan lesen untuk menjalankan mini-mini kasino iaitu slot machine terutama di Kuala Lumpur. Tuan-tuan bolehlah meneka siapakah patron di tempat-tempat ini dan apakah akibatnya kelak dan dengan ini sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua saya sarankan kata-kata "Prevention is better than cure".

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan mengenai samsu haram ini adalah wajar dan hukuman yang dicadangkan pun wajar terhadap pedagang dan pembuat. Hanya satu hal yang saya belum yakin iaitu pelaksanaan undang-undang ini secara berkesan. Saya kurang yakin

kejayaan oleh sebab dari apa yang saya tahu samsu gelap ini senang dibuat dan tidak memerlukan peralatan yang sophisticated untuk membuatnya, Saya bimbang benar sekiranya dapat kita tumpas - - - - -

Timbalan Yang di—Pertua: Masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

UCAPAN PENANGGUHAN

Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak

6.30 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan dalam Dewan yang mulia **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan isu memindahkan Pusat Pemulihan Akhlak dari Pulau Jerejak, Pulau Pinang ke tempat lain yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Pulau Jerejak ialah sebuah pulau yang kecil yang terletak lebih kurang setengah batu dari Pantai Selatan Tenggara Pulau Pinang. Sejak tahun 1903 Pulau Jerejak ini digunakan sebagai sebuah kem kuarantin, kem TB dan kem ieprosorium ataupun untuk orang-orang kusta sehingga tahun 1970, apabila ianya diambil alih oleh Jabatan Penjara untuk digunakan sebagai sebuah Pusat Pemulihan Akhlak bagi penjenayah-penjenayah.

Pada masa penjajah, orang awam pada amnya menganggap tempat itu sebagai tempat larangan dan tidak mengambil berat tentang tempat tersebut. Walau bagaimanapun apabila negeri Pulau Pinang mula melancarkan rancangan perindustrian pada tahun 1970an, tanah telah menjadi satu komoditi atau aset yang bernilai serta berkurangan. Oleh sebab itu soal sama ada pulau itu boleh digunakan dengan lebih berkesan lagi dari segi ekonomi telah dibangkitkan dan dibincangkan. Pada satu peringkat Kerajaan Persekutuan telah bersetuju supaya Pusat Pemulihan Akhlakit dipindahkan ke tempat lain. Pada tahun 1976, Menteri Dalam Negeri pada masa itu, iaitu Tan Sri Ghazali Shafie, telahpun menyatakan bahawa Kerajaan sedang mencari

satu tempat baharu untuk membina satu pusat pemulihan baru untuk menggantikan Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak. Malangnya sehingga sekarang tidak ada sebarang perkembangan diumumkan. Oleh yang demikian Pulau Jerejak masih kekal sebagai satu tempat larangan yang diguna semata-mata sebagai Pusat Pemulihan Akhlak dan tidak ada sebarang kegunaan yang berkesan, oleh kerana ia menjadi suatu kawasan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui umum negeri Pulau Pinang sedang meningkatkan program pembangunan industrinya secara besar-besaran dan ketika ini Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tidak ada tanah lagi dalam kawasan perindustriannya di Bayan Lepas dan Perai. Oleh kerana kekurangan tanah perindustrian ini Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang terpaksa memulih-gunakan tanah dari laut ataupun reclamation, dengan izin. Sebenarnya negeri Pulau Pinang sedang menghadapi kekurangan tanah untuk pembangunan industri dan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kedudukan geografi Pulau Jerejak dengan satu kawasan yang luasnya lebih kurang 900 ekar dan lebih kurang setengah batu dari Pantai Selatan Tenggara, Pulau Jerejak adalah sangat ideal ataupun paling sesuai untuk pembangunan khasnya untuk pelancongan, industri, perumahan dan lain-lain yang akan membawa faedah yang lebih lagi kepada rakyat. Kegunaan yang berterusan Pulau Jerejak sebagai sebuah Pusat Pemulihan Akhlak yang begitu berhampiran dengan Pulau Pinang tidak lagi sesuai dan terlalu mewah dari segi keselamatan, kos dan potensi pembangunan. Pembangunan Pulau Jerejak bukan sahaja akan menguntungkan rakyat Pulau Pinang secara langsung, tetapi juga negara kita pada keseluruhannya dari segi pendapatan dan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu Kerajaan Persekutuan supaya menyelesaikan perkara lama ini dengan memberikan keutamaan kepadanya. Sekian, terima kasih.

6.38 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh simpati dengan apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Bagaimanapun ingin saya nyatakan bahawa Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak telah dibuka pada tahun 1969 bagi menempatkan orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Ordinan Darurat (Kementeraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Orang-orang yang dikenakan tahanan di bawah Undang-undang ini adalah merupakan ketua-ketua atau ahli-ahli kongsi gelap dan penjenayah-penjenayah yang telah melakukan berbagai jenayah kekerasan. Semasa di dalam tahanan penjenayah-penjenayah ini dikehendaki menjalani proses pemulihan akhlak mereka.

Apabila wabak dadah telah merebak ke negara ini maka Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 itu juga telah digunakan untuk menahan pengedar-pengedar dadah, iaitu selain daripada penjenayah-penjenayah berikutan dari penguatkuasaan Akta Dadah Merbahaya, (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, tahanan dadah di bawah undang-undang tersebut juga ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak. Sehingga sekarang seramai 7,279 orang telahpun dimasukkan ke Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak.

Sejak Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak ditubuhkan Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$40 juta untuk membangunkan pulau itu sebagai tempat tahanan, Selain daripada itu perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan pada masa ini ialah kira-kira \$4 juta setahun bagi belanja mengurus. Bilangan banduan yang ada di pusat itu sekarang ialah 797 orang dan bilangan kakitangan dan pegawai ialah 224 orang.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian Dalam Negeri dalam tahun 1975 bercadang untuk memindahkan Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak ke tempat yang lain yang lebih sesuai. Walau bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu, iaitu kewangan yang tidak mengizinkan dan juga belum ada tempat yang lebih sesuai maka cadangan itu belumlah dapat dilaksanakan lagi. Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak adalah satu pusat pemulihan yang sangat sesuai untuk penempatan orang-orang tahanan. Selain daripada lokasi pulau itu yang strategik, nama Pulau Jerejak sendiri adalah digeruni dan ditakuti oleh ketua-ketua dan juga ahli-ahli kongsi gelap. Oleh hal yang demikian tempat itu sangatlah sesuai dan amat berkesan sekali untuk digunakan sebagai tempat tahanan.

Tuan Yang di-pertua, sebenarnya pusat tahanan itu tidaklah menggunakan seluruh Pulau Jerejak. Sepertimana Yang Berhormat katakan tadi, sebahagian daripada bahagian utara pulau itu digunakan oleh Penang Shipping Corporation, kepunyaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan ke atas pemindahan Pulau Jerjak ini tetapi Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk memindahkan Pusat tersebut. Kerajaan Persekutuan akan mengambil perhatian ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan
Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat ini
ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3 petang esok, hari Jumaat.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.41 petang.